


**Jilid I
Bil. 29**



**Hari Isnin
16hb Disember, 1974**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 2673]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Menarik Balik Usul Mengurangkan Peruntukan [Ruangan 2673]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1975:

Jawatankuasa (Hari Kesebelas)—

Jadual—

Kepala B. 31 [Ruangan 2674]

Kepala B. 32 [Ruangan 2681]

Kepala B. 33 hingga B. 39 [Ruangan 2729]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan, 1975:

Jawatankuasa (Hari Kesebelas)—

Kepala P. 31 [Ruangan 2674]

Kepala P. 32 [Ruangan 2681]

Kepala P. 33 hingga P. 35, P. 38 dan P. 39 [Ruangan 2729]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 2673]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 16hb Disember, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

„ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).

„ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).

„ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).

- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).

Yang Berhormat TUAN OO GIN SU lor Setar).

- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYUNG (Lubuk Sugut).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ DR HEE TIAN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Beram).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan Mesyuarat)

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

MENARIK BALIK USUL MENGURANGKAN PERUNTUKAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari ini telah diedarkan di meja tiap-tiap seorang Ahli Yang Berhormat satu kertas pemberitahu usul terbit daripada Yang Berhormat Ahli dari Menglembu; saya rasa tiap-tiap seorang barangkali sudah ada kertas pemberitahu yang berbunyi:

“Bahawa wang yang diuntukkan bagi jabatan Polis Di Raja Malaysia di bawah Kepala B. 34, Pecahan-kepala 1100 (1) (a) dan (3) (b) dalam Belanjawan Persekutuan, 1975 Command Paper 22/1974 dikurangkan sebanyak \$10.”

Pada hari ini saya telah terima sepucuk surat daripada Ahli Yang Berhormat dari Menglembu yang berbunyi demikian:

“Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat saya bertarikh 13hb Disember, 1974 berkenaan dengan pemberitahu saya hendak mengemukakan usul berkaitan dengan pengurangan sebanyak \$10 daripada belanja yang diuntukkan bagi jabatan Polis Di Raja Malaysia di bawah Kepala Bekalan 34 dalam Belanjawan Persekutuan, 1975, dan ingin menyatakan iaitu saya menarik balik cadangan saya itu.”

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1975

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1975

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 dan Anggaran Pembangunan, 1975 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (13hb Disember, 1974).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyambung jawapan beliau.

Kepala B. 31 (Jadual)—

Kepala P. 31 (Anggaran Pembangunan, 1975)—

2.40 ptg.

Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Pengerusi, sebagaimana yang telah saya sebutkan di dalam jawapan saya pada hari Jumaat, 13hb Disember, 1974 yang lalu, pihak Pembangkang telah menunjukkan

sikap ketidak jujurannya mereka dari segi usaha-usaha Kerajaan membantu Bumiputra walaupun mereka mengatakan bahawa mereka tidak membangkang usaha-usaha membantu bumiputra di dalam bidang ini.

Saya suka menarik perhatian kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang menyatakan bahawa Kerajaan hendaklah menanggukkan perbelanjaan-perbelanjaan yang besar yang digunakan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan bagi bumiputra menjalankan perniagaan di pusat-pusat yang strategik disebabkan kedudukan stagflasi dewasa ini. Beliau menjelaskan bahawa segala perbelanjaan itu akan hanya memburukkan kedudukan inflasi di negara ini dengan menambahkan lagi jumlah wang yang beredar.

Saya kurang faham akan maksud Ahli Yang Berhormat memutar-belitkan kenyataan bahawa membantu Bumiputra di dalam bidang perniagaan dan perusahaan ini akan hanya memburukkan kedudukan inflasi. Masalah mengatasi inflasi tidak boleh disamakan dengan masalah mengatasi kedudukan bumiputra di dalam bidang perniagaan dan perdagangan. Dari segi strategy negara kedua-dua masalah ini adalah sama pentingnya. Apa yang dapat saya fahamkan dari kenyataannya itu bahawa beliau dan partinya bertujuan melambatkan usaha pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Bererti dengan adanya kelambatan ini kejayaan dan kemajuan bumiputra di dalam bidang perniagaan dan perusahaan tidak akan diujudkan dan seterusnya matlamat daripada Dasar Ekonomi Baru tidak akan dicapai menurut masanya. Saya harap pihak Pembangkang akan dapat menunjukkan sikap dan pendirian mereka yang jujur mengenai Dasar Ekonomi Baru supaya rakyat tidak keliru, dan saya harap juga bahawa mereka akan bertanggungjawab sekiranya timbul keadaan-keadaan yang tidak wajar akibat daripada kelambatan pelaksanaan dan pencapaian daripada Dasar Ekonomi Baru itu.

Dari segi Kerajaan suka saya menegaskan di sini bahawa segala rancangan yang telah pun diatur dan perbelanjaan yang telah diperuntukkan melalui perbadanan-perbadanan yang tertentu bagi memajukan lagi penyertaan bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian akan terus dijalankan biarpun negara dewasa ini mengalami keadaan stagflasi. Ini adalah sesuai dengan

semangat Belanjawan bagi tahun 1975, di mana perbelanjaan dan pelaburan Kerajaan masing-masing akan ditambah dengan kadar 12% dan 17% sebagaimana yang diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Ucapan Belanjawannya.

Saya suka menyentuh teguran Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor yang menyatakan bahawa MARA tidak mendengar nasihat Jemaah Penasihat yang telah dibentuk di bawah Akta MARA. Beliau menyatakan bahawa tujuan Jemaah Penasihat ialah:

- (a) menasihat MARA mengenai perkara-perkara berkenaan dengan perkembangan-perkembangan selanjutnya akan tujuan-tujuan Majlis;
- (b) menasihat MARA mengenai apa-apa perkara yang dirujuk kepada oleh Menteri.

Saya suka mengingatkan Ahli Yang Berhormat itu bahawa sebelum membuat teguran ini hendaklah membaca Seksyen 6 (a) Akta MARA berkenaan dengan tanggungjawab Jemaah Penasihat. Tugas-tugas Jemaah ini ialah:

- (a) pada amnya menasihatkan Menteri mengenai perkara-perkara berkenaan dengan perkembangan selanjutnya akan tujuan-tujuan Majlis; dan
- (b) menasihatkan Menteri mengenai apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Menteri.

Oleh yang demikian, adalah jelas tugas Jemaah Penasihat ialah untuk menasihatkan Menteri yang berkenaan dan terpujanglah kepada Menteri untuk menerimanya atau sebaliknya. Ingin saya menyatakan di sini bahawa Majlis adalah diberi tugas-tugas dan tanggungjawab yang berasingan daripada Jemaah seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 6 Akta MARA itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor juga menyentuh berkenaan dengan PERNAS iaitu dahulunya PERNAS dan syarikat-syarikat anaknya mengambil bumiputra luar daripada PERNAS sebagai Pengarah dengan tujuan mereka dapat belajar dan mengambil alih syarikat-syarikat berkenaan. Saya ingin menegaskan di sini bahawa dasar tersebut telah pun dicuba (on trial), tetapi yang menyedihkan ialah ada kes-kes di mana mereka yang telah diberi tanggungjawab yang sedemikian telah menyeleweng dan oleh itu

syarikat-syarikat berkenaan telah menyelenggarakan daripada dasar dan tujuan sebenarnya. Malahan kekurangan perhubungan antara Lembaga Pengarah anak syarikat dengan Lembaga Pengarah Syarikat induknya telah timbul daripada semasa ke semasa. Ini menimbulkan masalah kerana mereka yang telah dipilih itu tidak bertanggungjawab secara terus kepada PERNAS. Ahli Yang Berhormat mesti ingat bahawa setengah daripada wang yang dibelanjakan oleh PERNAS ialah wang rakyat dan oleh itu kegunaan wang itu perlu kita kawal. Oleh yang demikian, demi kepentingan perhubungan yang rapat antara PERNAS dengan syarikat-syarikat anaknya serta untuk menentukan kecekapan yang lebih tinggi dan pengawasan prestasi yang ketat, maka Pengerusi sesuatu anak syarikat PERNAS mestilah terdiri daripada pegawai-pegawai PERNAS. Walau bagaimanapun, Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lainnya boleh terdiri daripada orang luar yang berpengalaman dalam perniagaan dan perusahaan dan yang akan dapat memberi sumbangan yang mendatangkan faedah kepada syarikat-syarikat berkenaan dan dapat pula mengorbankan masanya demi untuk kepentingan syarikat-syarikat tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan soal mengapa UDA hanya menumpukan aktiviti-aktivitinya di bandar-bandar besar sahaja dan tidak memajukan pekan-pekan yang kecil. Di sini saya suka menyatakan kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu bahawa adalah dasar utama UDA sebagaimana yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 12hb November, 1971, iaitu UDA hendaklah bagi permulaannya menumpukan kegiatan-kegiatan di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur. Sungguhpun demikian UDA telah juga memulakan usaha-usaha untuk melaksanakan projek-projek di peringkat negeri. Untuk makluman Dewan ini saya nyatakan iaitu ada beberapa projek yang telah diluluskan untuk dilaksanakan seperti di Kajang yang dianggarkan memakan belanja sebanyak \$8.8 juta, di Kota Baharu sebanyak \$12 juta dan di Sarawak \$41.8 juta.

Selain daripada itu, ada beberapa projek yang lain yang sedang dalam kajian, yang akan diusahakan di negeri-negeri Perlis, Perak, Trengganu, Negri Sembilan dan Melaka. Oleh sebab semua daripada projek-projek yang sedang dikaji itu belum lagi men-

dapat keputusannya, maka tidaklah dapat dinyatakan dengan tepat harga projek-projek tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput berpendapat iaitu rancangan UDA dengan rancangan Bandaraya dan Majlis-majlis Tempatan nampaknya tidak ada penyejajaran. Saya mengetahui masalah ini sebenarnya tidak berbangkit, kerana UDA sebagai salah satu daripada agensi Kerajaan adalah menjalankan tugas-tugasnya dengan adanya kerjasama daripada semua pihak. Sungguhpun demikian, Kementerian saya yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan tugas-tugas perbadanan-perbadanan awam ini akan menitikberatkan lagi penyejajaran di antara semua pihak untuk mencapai keharmonian ini. Saya harap bahawa semua pihak-pihak yang berkenaan menganggap perbadanan-perbadanan ini sebagai satu badan Kerajaan sendiri dan seharusnya kerjasama di antara jentera Kerajaan dengan perbadanan-perbadanan ini hendaklah ada, terutama sekali bagi Kerajaan-kerajaan Negeri, kerana perbadanan-perbadanan ini tidak akan dapat menjalankan tugasnya dengan lengkap sekiranya kerjasama daripada semua pihak berkenaan tidak ada. Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam akan menentukan bahawa hal ini dapat diwujudkan dengan baiknya daripada semasa ke semasa.

Mengenai masalah sewa bangunan UDA dan masalah keutamaan yang diberi kepada isteri-isteri pegawai kanan di dalam projek-projek perniagaan UDA sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, suka saya menyatakan bahawa perkara-perkara ini ada di dalam perhatian Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam. Sungguhpun demikian, saya suka menyatakan iaitu kadar sewa yang dikenakan kepada ruangniaga-ruangniaga adalah berpatutan, kerana ini adalah harga sewa yang juga di bayar oleh UDA kepada pemilik bangunan-bangunan tersebut. Di mana bangunan-bangunan itu dipunyai oleh UDA sendiri, sewanya adalah berpatutan mengikut kadar pasaran dan lagi pula UDA tidak meminta atau tidak menuntut bayaran muka (coffee money) untuk penyewaan tempat-tempat tersebut.

Satu lagi perkara yang suka saya mengambil peluang menegaskan di sini, iaitu dasar UDA untuk memberi kesempatan kepada

semua kaum bumiputra yang berminat untuk berniaga selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. UDA tidak memberi keutamaan kepada sesiapaupun melainkan ianya seorang bumiputra dan mempunyai minat dan kemampuan untuk menjalankan perniagaan-perniagaan.

Tuan Pengerusi, suka saya jelaskan di sini bahawa Kerajaan bersikap serious dari segi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Akan tetapi usaha Kerajaan sahaja tidaklah mencukupi, pihak-pihak yang tertentu hendaklah juga memberi sepenuh kerjasama demi kepentingan negara. Kerajaan akan mengambil tindakan-tindakan yang tegas sekiranya ada sebahagian daripada orang-orang yang tidak bertanggungjawab pada hal mereka telah mendapat kemudahan-kemudahan yang telah di sediakan oleh Kerajaan, tetapi sebaliknya telah menyalahgunakan kemudahan-kemudahan ini.

Sebagaimana yang telah dinyatakan beberapa kali oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, perbuatan-perbuatan serupa ini bukan sahaja mendatangkan kerugian kepada diri mereka sendiri bahkan juga kepada negara. Dengan perbuatan ini, mereka telah menafikan peluang-peluang mereka yang lebih berhak lagi. Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam akan terus mendedahkan perbuatan curang ini supaya semua rakyat mengetahui dan mengenal mereka yang tidak jujur yang berniat salah dan melakukan perbuatan-perbuatan yang merugikan bumiputra dan negara dan seterusnya boleh melambatkan pelaksanaan daripada Dasar Ekonomi Baru.

Perbadanan-perbadanan Awam yang berkenaan telahpun di minta menghantar senarai nama-nama mereka yang didapati telah menyalahgunakan peluang-peluang dan kemudahan-kemudahan yang telah diberi kepada mereka. Jika thabit kesalahan, maka tindakan akan di ambil terhadap mereka dan mereka akan dinafikan daripada memperoleh kemudahan-kemudahan seterusnya. Sebaliknya peluang-peluang atau kemudahan-kemudahan ini akan diberi kepada mereka yang benar-benar layak dan dapat menggunakan kemudahan-kemudahan ini dengan sepenuhnya.

Kementerian ini juga telah meminta Perbadanan-perbadanan Awam menghantar senarai kesemua bumiputra yang telah mendapat kemudahan-kemudahan setakat ini

bagi mengelakkan penyalah-gunaan. Sambil itu, data-data kemajuan berperingkat mengenai usaha-usaha mereka yang telah diberi kemudahan akan di minta daripada semasa kesemua bagi menentukan kesan dan kejayaan yang telah dapat di ujudkan setakat ini, dan dengan adanya data-data ini, kita harap kita akan dapat mengkaji kedudukan kemudahan-kemudahan yang ada dengan tujuan memperbaikinya lagi daripada masa ke semasa.

Sambil itu, Tuan Pengerusi, Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam telah menubuhkan satu Unit Khas bagi melayan segala rungutan, rayuan, pandangan, laporan dan segala perasaan tidak puas hati daripada orang ramai bukan sahaja layanan yang diterima itu daripada Perbadanan-perbadanan Awam malahan juga tentang perjalanan Perbadanan-perbadanan Awam itu sendiri. Ini termasuklah masalah-masalah penyelewengan yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor itu. Saya mengharap kepada orang ramai supaya menggunakan unit ini dengan sepenuhnya bagi membolehkan Kementerian ini mengatasi segala masalah yang ada dan memperbaiki lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang dapat diberikan oleh badan-badan ini kepada mereka. Dengan adanya pandangan, teguran dan laporan yang membina ini, maka Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam akan dapat mengambil langkah bagi menentukan bahawa setiap pegawai dan kakitangan yang telah ditugaskan benar-benar dapat menjalankan khidmat mereka dengan sungguh-sungguh lagi jujur dan seterusnya perbadanan-perbadanan itu sendiri akan dapat pula menepati segala kehendak Kerajaan melalui tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat yang ada pada perbadanan-perbadanan itu demi kejayaan dan kelancaran pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya ucapkan sebanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan mereka terhadap kegiatan-kegiatan Kementerian ini dan segala yang baik akan kita cuba teliti dan kita laksanakan, manakala yang lainnya saya akan ambil perhatian.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$93,321,500 untuk Kepala B. 31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$220,657,193 untuk Kepala P. 31 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1975.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengemukakan Anggaran Belanjawan Kementerian beliau di bawah Kepala B. 32 dan P. 32, saya suka mengingatkan sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Dewan ini telah satu hari terlewat daripada Jadual dan kita cuma ada dua hari sahaja lagi, iaitu esok dan lusa untuk menamatkan perbincangan di dalam Jawatankuasa. Oleh itu, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tolonglah pendekkan teguran ataupun ucapan supaya tidaklah kita terpaksa kena bermesyuarat sehingga larut malam dan kita boleh menamatkan persidangan ini di dalam peringkat Jawatankuasa pada waktu yang di tetapkan.

Sekarang saya dengan sukacitanya menjemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengemukakan Anggaran Belanjawan bagi Kementerianannya.

Kepala B. 32 (Jadual)—

Kepala P. 32 (Anggaran Pembangunan, 1975)—

2.53 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membentangkan Anggaran Belanjawan bagi Kementerian saya di bawah Kepala Bekalan B. 32 dan Pembangunan P. 32 berjumlah \$405,011,250 bagi tahun 1975. Bagi jumlah ini \$334,000,000 ialah bagi Belanja Mengurus dan \$71,011,250 ialah bagi Belanja Pembangunan. Dari jumlah anggaran Belanja Mengurus ini \$274,838,200 ialah bagi Semenanjung Malaysia, \$27,572,000 ialah bagi Sarawak dan \$31,589,800 ialah bagi Sabah dan dari Anggaran Pembangunan pula \$58,809,634 ialah bagi Semenanjung Malaysia, \$5,216,030 ialah bagi Sarawak dan \$6,985,586 ialah bagi Negeri Sabah. Jumlah kelebihan dibandingkan dengan tahun 1974 ialah \$52,470,978 iaitu kira-kira 15.17%.

Ahli-ahli Yang Berhormat barangkali bersejua bahawa tambahan ini ialah satu tambahan yang sederhana berpadan dengan

permintaan dan kedudukan ekonomi negeri ini. Kementerian saya bukan sahaja menjalankan tindakan berjimat di dalam perbelanjaan tetapi akan membuat langkah untuk membetulkan urusan pengawasan, penyampaian dan penyelenggaraan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi oleh Kementerian ini. Langkah ini dibuat dengan menggiatkan lagi ikhtiar menambah kecekapan pentadbiran, dengan melatih kakitangan yang ada, menambahkannya jika perlu, membetul dan memperimbangan kedudukan perjawatan di dalam semua bidang pengurusan di Kementerian ini.

PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS

Peruntukan yang dipohonkan sebanyak \$334,000,000 bagi Belanja Mengurus akan dibahagikan kepada perbelanjaan bagi delapan aktiviti Kementerian ini, iaitu:

Peruntukan

Perkhidmatan Kesihatan	
Awam	\$ 81,589,700
Perkhidmatan Pergigian	\$ 17,988,178
Penyelidikan	\$ 3,917,530
Perkhidmatan Rawatan	
Pesakit	\$203,997,331
Pentadbiran Am ...	\$ 11,376,631
Perkhidmatan Setor ...	\$ 4,251,730
Perkhidmatan Latihan	\$ 10,360,300
Perancang dan Pembangunan	\$ 518,600

Tuan Pengerusi, tambahan yang nyata adalah terdapat pada aktiviti Perkhidmatan Kesihatan Awam iaitu sebanyak \$81,589,700 berbanding dengan \$68,291,310 pada tahun 1974, Perkhidmatan Pergigian \$17,988,178 berbanding dengan \$15,896,800 tahun sudah dan Perkhidmatan Rawatan Pesakit \$203,997,331 berbanding dengan \$178,643,500 bagi tahun 1974. Miskipun Perkhidmatan Latihan diletak di atas paras yang lebih kurang sama iaitu cuma \$1,147,200 bagi meneruskan kegiatan latihan kakitangan para medical dan kakitangan di Bahagian Kesihatan, perbelanjaan ini sebenarnya ialah perbelanjaan mengurus pusat-pusat latihan sahaja. Peruntukan elau pelatit-pelatit adalah di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam dan peruntukannya ialah bagi melatih 2,600 pelatit-pelatit baru berbagai bahagian kakitangan Kementerian ini pada setahun.

Peruntukan yang lebih besar telah diminta bagi aktiviti Kesihatan Awam iaitu bagi menunaikan tujuan perkhidmatan ini iaitu untuk meninggikan lagi taraf kesihatan rakyat dengan memberi mereka galakan dan dorongan melalui sebaran am, pelajaran kesihatan, lawatan oleh pegawai-pegawai Kementerian dan mengadakan kemudahan supaya penduduk-penduduk terutama penduduk luar bandar dan juga penduduk bandar yang tinggal jauh untuk mendatangi pusat-pusat kesihatan. Kemudahan ini diadakan dengan diperbanyakkan lagi pusat-pusat kesihatan dan diperbesarkan rumah-rumah bidan Kerajaan di kampung itu bagi dijadikan Klinik Desa. Kegiatan di bawah aktiviti ini adalah terdapat kegiatan kesihatan luar bandar yang diberi melalui perkhidmatan dari 56 Pusat Kesihatan Besar, 258 Pusat Kesihatan Kecil, 1,393 Rumah Bidan/Klinik Desa yang ditempatkan merata-rata di negeri. Jumlah Pusat Kesihatan dan Klinik Desa dijangka meningkat 1,745 pada tahun 1975 dibanding dengan 1,600 pada tahun 1974.

Peruntukan sebanyak \$518,600 di bawah Aktiviti Perancang dan Pembangunan di bawah Belanja Mengurus ialah bagi perbelanjaan tadbiran Bahagian Perancang dan Pembangunan sahaja. Ianya dahulu di bawah aktiviti Pentadbiran dan sekarang diasingkan bagi memperkemarkan jentera pentadbiran Perancang dan Pembangunan.

PERUNTUKAN PERBELANJAAN BAGI SARAWAK

Peruntukan Perbelanjaan Mengurus bagi Sarawak ialah \$27,572,000 berbanding dengan \$23,666,500. Tambahan \$3.9 juta ini ialah antara lain bagi mengadakan perkhidmatan Flying Doctor Service, mengambil alih perkhidmatan kesihatan yang dijalankan oleh Majlis Daerah Luar Bandar, Kuching dan Badan Pengembang Kristian, mengadakan perkhidmatan Pelajaran Kesihatan dan penubuhan yunit pengawalan vektor dan penambahan 2 hospital yang dilengkapi dengan 106 katil.

PERUNTUKAN PERBELANJAAN BAGI SABAH

Sabah mendapat peruntukan belanja mengurus sebanyak \$31,509,000 berbanding dengan \$27,574,101 bagi tahun 1974. Tambahan perbelanjaan ialah bagi tambahan jawatan untuk meluaskan perkhidmatan kesihatan dengan siapnya beberapa pusat-pusat kesihatan. Tambahan perbelanjaan juga bagi

mengadakan peruntukan tambang kepada kakitangan yang mengikut syarat perkhidmatan mereka layak membuat lawatan ke Semenanjung Malaysia.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

Peruntukan bagi Anggaran Pembangunan ialah \$71,011,250 berbanding dengan \$62,000,000 bagi tahun 1974. Daripada jumlah \$58,809,634 bagi Anggaran Pembangunan di Semenanjung Malaysia, \$6.2 juta akan dibelanjakan bagi mengada kemudahan latihan kakitangan perubatan (para medical) bantuan kepada Universiti Malaya bagi bangunan Fakulti Pergigian dan tambahan wad bagi Hospital Latihan Petaling Jaya dan sebuah asrama perubatan pelatih di Banting, Kuala Langat, Selangor. \$9.2 juta diuntukkan bagi projek-projek di bawah Perkhidmatan Kesihatan Awam yang terbahagi kepada berikut:

PROJEK KESIHATAN AM

\$9.4 juta diuntukkan bagi projek-projek di bawah Perkhidmatan Kesihatan Awam yang terbahagi kepada berikut:

Rancangan Kesihatan Luar Bandar	...	...	...	\$6,800,000
Perkhidmatan Kesihatan Bandar	...	...	...	\$2,000,000
Rancangan Kesihatan di Pahang Tenggara dan Johor Tenggara	...	...	...	\$ 200,000
Bekalan Air Masyarakat Luar Bandar	...	...	...	\$ 400,000

Rancangan ini adalah bagi mendirikan 85 buah pusat-pusat kesihatan besar dan kecil, 155 rumah bidan dan klinik, 65 rumah kediaman untuk jururawat pergigian, pembancuh ubat dan pekerja di klinik-klinik ini. Bagi Perkhidmatan Kesihatan Bandar beberapa poliklinik dan klinik kesihatan kanak-kanak dan ibu-ibu mengandung akan didirikan di tempat-tempat penduduknya ramai dan keadaan sekarang sukar mendapat rawatan pesakit luar di hospital-hospital.

PROJEK MEMPERBAIKI HOSPITAL-HOSPITAL

Kementerian akan meneruskan rancangan memperbaiki hospital-hospital dan menambah kemudahan-kemudahan di hospital-hospital yang sedia ada. \$10.2 juta diperuntukkan bagi maksud ini.

HOSPITAL-HOSPITAL BARU

Di bawah rancangan membina hospital-hospital baru, peruntukan bagi meneruskan pembinaan Hospital Besar Kuala Lumpur, Hospital Besar Ipoh, Hospital Besar Kota Bharu, Kelang, Kuantan dan Kuala Trengganu disediakan.

Peruntukan juga disediakan bagi pembinaan Hospital-hospital Daerah di Jerreh, Machang, Jerantut, Telok Anson, Sitiawan dan Tanah Merah.

Tuan Pengerusi, saya suka mengambil peluang ini untuk membuat satu penjelasan berkenaan satu kenyataan akhbar baru-baru ini berhubung dengan rancangan pembangunan untuk hospital-hospital baru di Sabah dan Sarawak. Saya suka menegaskan bahawa tidak ada projek-projek hospital yang telah dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua bagi Negeri Sabah dan Sarawak dipindahkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga, kerana belanja bahan-bahan binaan yang tinggi. Dalam Negeri Sarawak, tindakan telah diambil untuk menjalankan pembinaan dua buah hospital di Limbang dan Serian, dan membeli tanah untuk hospital-hospital baru di Saratok dan Sibul sebagaimana yang dijadualkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

PROJEK DI SARAWAK

Di Sarawak juga peruntukan sebanyak \$5.2 juta itu disediakan bagi membina 1 Pusat Kesihatan Besar, 8 Pusat Kesihatan Kecil, 8 Pusat Kesihatan Masyarakat, 9 Klinik Pergigian dan juga hospital-hospital yang tersebut di atas.

PROJEK DI SABAH

Begitu juga dengan Negeri Sabah, Hospital-hospital di Papar dan Ranau telahpun siap. Hospital Daerah di Tambunan adalah sedang dibina dan kerja-kerja bagi tapak bangunan Hospital Daerah Beluran, sedang berjalan dengan baik. Selain daripada itu, Kementerian telah mendapat kelulusan untuk membina hospital-hospital baru di Kota Belud dan Kudat. Peruntukan juga telah disediakan bagi membina 67 pusat kesihatan kampung, 5 pusat kesihatan daerah. Jumlah peruntukan bagi memaksud projek-projek pembangunan ini ialah \$6.9 juta.

Jika dipandang kepada senarai projek-projek yang akan dilaksanakan peruntukan bagi rancangan pembangunan Kementerian ini, jumlah besar adalah ditumpukan kepada

kemudahan bagi rancangan latihan, pusat-pusat kesihatan di luarbandar dan selain daripada memperbaiki dan menambah kemudahan di hospital-hospital yang sedia ada.

Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka menerangkan dengan ringkasnya akan kemajuan program dasar dan pelaksanaan rancangan-rancangan Kementerian ini bagi mencapai objektif-objektif Kementerian.

Tujuan utama Kementerian ini ialah untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang sempurna terutama kepada kaum-kaum yang kurang bernasib baik. Bagi mencapai tujuan di dalam bidang kesihatan, projek-projek adalah dirancang bagi:

- (a) Menyatukan segala kemudahan-kemudahan yang dilaksanakan di bawah Perkhidmatan Kesihatan dengan dititikberatkan kepada kesihatan luar bandar sambil meluas perkhidmatan ini kepada kawasan-kawasan yang terpencil.
- (b) Meluas dan menggiatkan lagi rancangan latihan bagi mendapat tenaga perubatan kesihatan yang dikehendaki.
- (c) Meninggikan taraf kesihatan rakyat dengan memperbaiki keadaan kebersihan sekeliling dan memperbaiki taraf pemakanan (nutritional standard) sebagai rancangan umum.
- (d) Mendokong dan memberi kemudahan Rancangan Keluarga dengan disatukan fungsi ini di peringkat desa dengan Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar.
- (e) Meluaskan kemudahan kepada perkhidmatan rawatan pesakit dan melanjutkan kemudahan ini ke daerah-daerah dan pusat-pusat pembangunan yang baru.
- (f) Memperkemarkan lagi jentera pelaksanaan perancangan dan pentadbiran perkhidmatan kesihatan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, sepanjang tahun yang sudah saya telah membuat lawatan yang bolehlah dikatakan ke semua negeri di Malaysia dan membuat lawatan ke hospital-hospital, klinik dan pusat-pusat kesihatan. Dengan lawatan ini berupaya saya memeriksa kemajuan dan membincang masaalah-masaalah pelaksanaan dengan mereka yang berkenaan di tempat-tempat itu dengan tujuan bagi memperbaiki mana yang perlu.

Mengikut pandangan saya pelaksanaan perkhidmatan kesihatan dan perubahan adalah memuaskan. Ikhtiar bagi memperbaiki lagi perkhidmatan ini sedang dilaksanakan berpadan dengan peruntukan wang yang terhad pelaksanaannya dijalankan mengikut keutamaannya.

KEDUDUKAN KESIHATAN AM NEGARA

Kedudukan kesihatan seluruh negeri adalah terkawal dari penyakit berjangkit yang besar, meskipun ada berlaku wabak demam denggi dan cholera, kedua wabak ini telah dapat dikawal. Kempen mengawal penyakit ini sedang diteruskan.

Kedudukan kesihatan rakyat bertambah baik semenjak tahun 1957. Kadar kasar kematian iaitu 12.4 bagi seribu orang pada tahun 1957 telah turun sebanyak 45% kepada 6.8 bagi seribu di dalam tahun 1971.

Kementerian saya tidak memandang ringan dan masih tidak berpuashati dengan kadar angka kematian kanak-kanak meskipun kadar ini telah berkurangan kepada kadar angka yang baik dengan pesatnya. Kami berpendapat bahawa tindakan yang lebih berkesan boleh dilaksanakan bagi mengurangkan kadar angka kematian kanak-kanak itu dan tindakan yang positive sedang diambil oleh Kementerian saya bagi mencapai matlamat ini.

Sungguhpun kadar angka kematian kanak-kanak 1-2 tahun nampaknya memuaskan tetapi kadar angka kematian kanak-kanak di peringkat umur ini di kawasan daerah pedalaman di Pantai Timur masih lagi tinggi, iaitu lebih 20 kematian di dalam 1,000 berbanding dengan purata kebangsaan 8 orang bagi 1,000. Begitu juga angka kematian anak baru lahir masih lagi tinggi di kalangan penduduk luar bandar. Kementerian ini sedang mempergiatkan usaha Bahagian Kesihatan Am Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

PERKHIDMATAN KESIHATAN LUAR BANDAR

Perkhidmatan Kesihatan Anak-anak dan Ibu Mengandung adalah satu perkhidmatan yang utama Kementerian ini dan pada masa ini meliputi 65% daripada penduduk negeri ini dan perkhidmatan ini akan diperbesarkan lagi dan dititikberatkan kepada meninggikan taraf kesihatan famili pula. Dengan demikian

perkhidmatan kesihatan ini akan mengandungi perkhidmatan ibu mengandung, bidan, kesihatan anak-anak, kesihatan kanak-kanak sekolah, amalan pemakanan dan rancangan keluarga sebagai satu perkhidmatan yang disatukan.

Tuan Pengerusi, rancangan amalan nilai pemakanan yang dimulakan sebagai satu projek panduan pada tahun 1969 di Kuala Langat, Selangor, yang sekarang sedang diluaskan ke beberapa daerah di Negeri Trengganu, Pahang dan Kelantan akan diluaskan lagi ke Negeri Perak dan Kedah menjelang awal tahun 1975. Sehingga akhir 1975 adalah dijangkakan 1.5 juta orang di Semenanjung Malaysia akan mendapat perkhidmatan ini. Projek ini akan juga dikembangkan ke Sabah dan Sarawak pada tahun 1975.

Kempen untuk memperbaiki lagi keadaan di sekeliling dalam kawasan-kawasan luar bandar adalah terus dijalankan. Sehingga ke hari ini 100,000 buah jamban curah telah dibina oleh Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, di sini saya mengambil peluang menegaskan sekali lagi bahawa usaha dari Kementerian saya sahaja dalam perkara ini tidak akan mencapai kejayaan tanpa pengambilan bahagian dan penglibatan diri dari tiap-tiap keluarga dalam kawasan-kawasan luar bandar untuk membina jamban-jamban curah mereka sendiri. Kerjasama yang aktif dan sokongan dari tuan adalah juga perlu untuk mengubah sikap perangai orang-orang ini kepada kebersihan di sekeliling yang lebih baik.

KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT

Kempen mengawal penyakit berjalan dengan jayanya terutama pembasmian malaria. Kempen telah dapat mengurangkan kes malaria dari 300,000 dilaporkan di dalam tahun 1967 hingga 17,000 dilaporkan di dalam tahun 1973 dan hingga pada bulan Jun 1974, 6,000 kes sahaja dilaporkan.

Penyakit berjangkit yang di dalam kempen kawalan Kementerian ini selain daripada malaria ialah tibi, kusta, untut dan puru. Selain daripada kawalan ini Kementerian juga menggalakkan suntikan bayi-bayi dan kanak-kanak bagi mencegah dari tibi, diptheria dan polio. Menanam cacar masih terus diwajibkan bagi bayi-bayi dan kanak-kanak.

KEBERSIHAN ALAM SEKELILING

Kemajuan ekonomi dengan disertakan oleh bertambahnya penduduk memerlukan strategi baru di dalam perkhidmatan kesihatan. Sayugia diingatkan bahawa dengan bertambah ramainya penduduk dan bertambahnya kawasan-kawasan bandar ini menyebabkan kekotoran air di paras muka bumi. Keadaan ini bertambah lagi dengan benda-benda kekotoran yang dikeluarkan dari kilang-kilang perusahaan dan pertanian yang berupa sampah, hampas-hampas beracun dan gas. Banyaknya benda-benda ini menyebabkan air yang terdapat di paras muka bumi itu tidaklah lagi selamat untuk diminum. Kementerian ini sedar akan mustahaknya mengadakan tindakan yang berkesan bagi mengawal kekotoran dan pihak Kementerian ini bekerja rapat dengan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekeliling dan agensi-agensi lain, sambil memperkemaskan jentera pengawalan di Kementerian ini bagi mencegah kekotoran alam sekeliling. Kementerian ini meneruskan rancangan bagi menyatukan Perkhidmatan Perancangan Keluarga dengan Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Bagi projek ini Kementerian juga menerima bantuan dari United Nation Fund for Population Activities sebanyak \$4.4 juta dan Bank Dunia \$5.4 juta bagi perbelanjaan melatih kakitangan bagi Perkhidmatan Perancang Keluarga, mengadakan pakar-pakar, alat-alat dan kenderaan, membina dan membuat tambahan kepada pusat-pusat kesihatan.

PERKHIDMATAN PERGIGIAN

Perkhidmatan Pergigian akan bertambah lagi aktivitiya di dalam tahun 1975. Adalah dijangkakan perkhidmatan ini akan dapat diadakan pada penghujung tahun 1975 dan 633 buah Klinik Pergigian berbanding dengan 520 Klinik yang terdapat pada akhir tahun 1973. Selain daripada itu Perkhidmatan Pergigian akan terus dijalankan di sekolah-sekolah dan di Klinik Ibu Mengandung.

PERKHIDMATAN RAWATAN PESAKIT

Perkhidmatan Rawatan Pesakit mendapat peruntukan sebanyak \$203,997,331 berbanding dengan \$178,643,500 pada tahun 1974. Peruntukan yang lebih ini adalah disebabkan bertambahnya perkhidmatan rawatan yang diluaskan ke daerah-daerah

dengan mendirikan hospital-hospital desa dan klinik-klinik dan dinaikkan taraf beberapa hospital ke taraf hospital yang mempunyai perkhidmatan pegawai-pegawai pakar. Sejumlah besar daripada peruntukan ini ditambahkan kerana kenaikan harga ubat-ubat, kelengkapan dan barang-barang makanan.

Tuan Pengerusi, kekurangan doktor-doktor dan kakitangan para perubatan masih lagi dialami oleh Kementerian saya. Beberapa rancangan latihan adalah dijalankan dengan giatnya untuk memenuhi kekosongan-kekosongan jururawat, pembancuh-pembancuh ubat, penolong-penolong jururawat dan sebagainya. Di atas masalah doktor, pada hari ini kita mempunyai seramai lebih kurang 2,374 orang doktor ini termasuklah lebih kurang 200 orang doktor dari negeri-negeri asing. Di antaranya 1,388 doktor berkhidmat dengan Kerajaan dan 986 doktor berkhidmat diswasta. Nisbah besar bagi doktor-doktor jumlah penduduk di Malaysia adalah lebih kurang 1 bagi 4,200 orang. Sungguhpun kita tidaklah boleh dikuasai oleh angka-angka yang diberi oleh lain-lain negeri untuk memandu kita dalam memprojeikan anggaran keperluan kita kerana disebabkan perbezaan sosio-ekonomi, perbezaan dalam rupa bentuk dan organisasi perkhidmatan kesihatan, namun begitu, angka-angka daripada lain-lain negeri di sekeliling kita ada memberikan sedikit perbandingan yang berguna. Misalnya, nisbah doktor-jumlah penduduk di negeri:

Jepun ...	1 doktor bagi 1,900 orang.
Philippines	1 doktor bagi 1,370 orang.
Singapura	1 doktor bagi 1,500 orang.
Egypt ...	1 doktor bagi 1,950 orang.

Walau bagaimanapun, jika Malaysia hendak mencapai sasaran yang berpadan bagi nisbah 1 doktor bagi 3,500 atas satu anggaran jumlah penduduk seramai 14.3 juta dalam tahun 1980, kita memerlukan sejumlah 4,430 orang doktor, Universiti Malaya, jika ianya tetap mengeluarkan kadarnya yang sekarang, dapat dijangka mengeluarkan 750 orang doktor sahaja dari antara sekarang hingga tahun 1980 apabila pada ketika itu Universiti Kebangsaan akan mengeluarkan kumpulan pertamanya seramai 40 orang doktor. Oleh yang demikian, seramai lebih kurang 1,200 orang doktor masih lagi terpaksa dicari dari seberang laut, samada dari

rakyat Malaysia yang kembali selepas mendapat ijazah dari Universiti-universiti di seberang laut ataupun dengan jalan mengambil doktor-doktor dari negeri asing. Bagi sektor Kerajaan, pengambilan doktor dari negeri asing dan syarat yang dikenakan bagi perkhidmatan perlu selama 2 tahun bagi doktor-doktor yang baru lulus dan doktor-doktor yang mula didaftarkan di negara ini, tidak syak lagi telah memperbaiki lagi keadaan doktor-doktor di hospital-hospital kita. Walau bagaimanapun, jumlah tambahan bilangan doktor ini adalah kebanyakannya dalam peringkat muda yang mempunyai pengalaman selama lebih kurang 1-2 tahun selepas mendapat ijazah. Supaya dapat mengadakan doktor-doktor yang lebih berpengalaman kepada perkhidmatan kita, telah juga dicadangkan bahawa 2 tahun perkhidmatan perlu yang ada sekarang hendaklah dikaji semula dan melanjutkan lagi tempoh itu mungkin ke lima tahun. Boleh jadi ini satu jalan mengatasi masalah itu tetapi sudah tentu ianya tidak disukai jika sekiranya inilah sahaja jalan mengatasinya. Tetapi saya rasa ada jalan-jalan lain yang akan menarik dan mendorong doktor-doktor yang mempunyai lebih pengalaman untuk tinggal kekal dalam perkhidmatan, umpamanya memberikan peluang-peluang kerjaya yang lebih baik, syarat-syarat perkhidmatan dan gaji lebih baik. Oleh itu Kementerian saya adalah sentiasa mengkaji perkara ini bagi tujuan mencapai objektif ini dan saya rasa sasaran yang berpadanan bagi nisbah 1 doktor bagi 3,500 penduduk dalam tahun 1980 itu bukanlah satu perkara yang mustahil.

BANTUAN DARI NEGERI-NEGERI LUAR

Tuan Pengerusi, dalam tahun-tahun yang lampau Kementerian ini berterima-kasih kepada agensi-agensi antarabangsa, terutama sekali kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang telah memberikan bantuan kepada Kementerian ini dalam rupa bentuk kewangan, perkhidmatan pakar-pakar yang memberikan nasihat terhadap projek-projek dan rancangan-rancangan Kementerian ini. Agensi-agensi antarabangsa ini telah memilih Kementerian ini pada beberapa kali untuk menjadi tuan rumah bagi seminar-seminar dan persidangan-persidangan bagi latihan dan membincangkan masalah-masalah kesihatan. Agensi-agensi ini juga telah memberikan bantuan biasiswa-biasiswa untuk membolehkan pegawai-pegawai dari Kementerian ini untuk pergi berlatih di seberang laut.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, pihak Kementerian ini sangatlah terutang budi kepada Ahli-ahli Dewan ini yang telah memberi kerjasama kepada kakitangan-kakitangan Kementerian ini semasa mereka menjalankan tugasnya di negeri-negeri dan kawasan masing-masing. Perkembangan dan pelaksanaan projek-projek Kementerian ini adalah bergantung besar kepada kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga rakyat di luar bandar di dalam usaha Kementerian ini untuk meninggikan taraf kesihatan mereka. Kementerian ini dengan peruntukan kewangan yang terhad dengan sedaya upayanya bersedia untuk menjalankan usaha untuk memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat semua, terutama rakyat-rakyat di kawasan luar bandar yang pada masa-masa yang lalu sukar untuk mendapat rawatan di hospital-hospital dan klinik-klinik. Dengan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat dan orang ramai saya percaya Kementerian ini dapat menjalankan usaha-usahanya bagi mencapai objektif-objektif Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu peruntukan yang berjumlah \$334,000,000 di bawah Kepala Bekalan 32 dan peruntukan \$71,011,250 di bawah Kepala Pembangunan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbincangan di bawah Kementerian ini akan ditamatkan tepat pada pukul 5.30 petang termasuk jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Jadi, saya minta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kalau hendak bercakap tolong pendekkan ucapannya supaya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengambil bahagian di dalam perbincangan di bawah Kementerian ini. Sekarang adalah terbuka untuk perbincangan.

3.36 ptg.

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Saratok): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Kepala B. 32, muka surat 239—Kementerian Kesihatan dengan peruntukan berjumlah \$405,011,250.

Kementerian ini adalah Kementerian paling penting kepada semua keluarga warga negara Malaysia, baik di dalam bandar mahupun di luar bandar. Saya memberikan ucapan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana keadaan yang tersebut itu.

Walaupun bagaimanapun, saya hendak menimbulkan pandangan saya tentang kemajuan dalam hal kesihatan yang telah dilancarkan oleh Kementerian ini di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, terutama sekali atas pembinaan hospital-hospital di negara kita.

Bagi rakyat di kawasan-kawasan di dalam bandar boleh dikatakan cukup memuaskan hati terhadap pembangunan hospital-hospital itu atau dispensari-dispensari yang telah diadakan semenjak Malaysia telah ditubuhkan sampai sekarang, kerana mereka telah merasa kesenangan dalam hospital atau dispensari itu untuk rawatan yang penting dan urgent kerana kemajuan di dalam bidang kesihatan ini. Jika mengikut laporan dari Kementerian ini atau dari Jabatan Kesihatan nampaklah rawatan di dalam bandar telah didapati tinggi lagi mutu kesihatan daripada rakyat atau penduduk-penduduk di luar bandar, kerana mereka di sini tidak dapat rawatan hospital atau dispensari dengan cukup senang seperti penduduk di dalam bandar. Saya merayu kepada Kementerian ini supaya dapat mempertimbangkan perkara ini dengan teliti dan terus mengadakan pelan-pelan untuk mendirikan banyak lagi hospital yang besar atau hospital daerah mahupun dispensari di kawasan luar bandar untuk memperbaiki mutu kesihatan keluarga negara kita.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, mengenai P. 32, muka surat 255—Pecahan-kepala 31-45—Rancangan Membaiki Kesihatan Luar bandar untuk Negeri Sarawak. Peruntukan-peruntukan di bawah Pecahan-kepala itu adalah sangat memuaskan hati kerana mengetahui perkembangan rancangan itu akan dilancarkan dengan cepat mengikut program-program dalam rancangan Pembangunan Malaysia Kedua, tetapi di sini saya berasa gagal juga kerana memandangkan dua peruntukan mendirikan hospital di Sarawak tidak ada dicadangkan di dalam Buku Anggaran Belanjawan yang berada di hadapan kita sekarang. Dengan kerana itu, saya menganggap hospital-hospital itu, iaitu Hospital Daerah Kanowit, kawasan yang diwakili oleh rakan saya Yang Berhormat dari Kanowit dan juga Hospital Daerah Saratok di kawasan saya sendiri, sebab telah diketahui banyak belanja telah dipakai untuk projek-projek ini untuk membeli tanah, mengukur dan lain-lain.

Saya merayu kepada Kementerian ini terlebih lagi kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri supaya Kementerian ini dapat mengadakan peruntukan untuk mendirikan hospital-hospital itu yang paling penting untuk menjaga kesihatan rakyat di daerah-daerah yang tersebut. Daerah Kanowit mempunyai 40,000 penduduk-penduduk dan di Daerah Saratok dan Debak sub-district lebih 40,000 penduduk-penduduk masih menunggu pembangunan hospital-hospital ini. Jikalau kedua-dua hospital ini tidak didirikan dalam kemajuan Rancangan Malaysia Kedua artinya kita akan melakukan perasaan tidak puas hati terhadap lebih 80,000 penduduk-penduduk di Daerah Kanowit dan Daerah Saratok.

Dari rayuan-rayuan ini saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini dapat memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa hospital-hospital itu yang bernama Kanowit Daerah Hospital dan Saratok Daerah Hospital tentu akan didirikan di antara kemajuan Rancangan Malaysia Kedua ini dan lagi pun satu hospital di Sarawak juga.

(Dengan izin) It is very unfortunate for me to note that the construction of all the three hospitals that are deferred to the Third Malaysia Plan is under Opposition-controlled areas in Sarawak. I hope the decision to defer the building of these hospitals to the Third Malaysia Plan is, as the Minister has explained, due strictly to financial reasons. However, Sir, the fact that they are all under Opposition-controlled areas indicates that the decision might have been influenced by political consideration. This must be corrected.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkhidmatan pergigian di sekolah. Perkhidmatan pergigian di sekolah belum dilancarkan ke tempat-tempat yang jauh dari jalan raya. Dengan kerana itu, saya meminta Kementerian ini mengembangkan perkhidmatan itu ke kawasan-kawasan luarbandar di mana-mana tempat yang dapat dilawati dengan perahu atau motobot untuk memperbaiki perkhidmatan pergigian di sekolah seluruh negara kita. Jikalau perkhidmatan ini masih tidak dikembangkan seperti itu saya bimbang masaalah pergigian akan bertambah lagi, dengan demikian kes-kes pergigian tentu akan bertimbun-timbun dengan tidak diambil tindakan. Ini kelak boleh menyebabkan

kerugian murid-murid sekolah dalam kehilangan gigi asal mereka dan juga kerugian mereka untuk menukar gigi asalnya dengan gigi batu.

Pasukan Kesihatan Otak, Pecahan-kepala 34, muka surat 255. Pada pandangan saya sendiri, Tuan Pengerusi, saya tahu mental hospital yang berada di Sarawak adalah tidak mencukupi untuk membaiki mental cases yang berlaku di Negeri itu. Oleh sebab itu, saya hendak mencadangkan mental hospital di Sarawak patutlah ditambah supaya pesakit-pesakit itu dapat dihantar ke hospital baharu itu dan bukan sahaja dihantar ke satu mental hospital di Kuching.

Pecahan-kepala 41 dan 45, muka surat 257. Satu lagi perkara yang telah ditimbulkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini mengenai Negeri Sarawak iaitu masala kekurangan doktor. Saya sendiri telah diberitahu bahawa negara kita di Malaysia Timur mahupun Malaysia Barat masih menghadapi kekurangan doktor-doktor. Pada masa sekarang masala ini belum dapat diatasi walaupun kita telah merdeka dalam masa berbelas tahun. Kekurangan doktor itu adalah kerana dua sebab iaitu:

- (i) kerana kita belum mencukupi doktor tempatan; dan
- (ii) kerana banyak doktor itu doktor-doktor asing atau doktor-doktor tempatan telah berhenti dari perkhidmatan mereka kerana tingkatan gaji mereka sangat rendah jikalau dibandingkan dengan pendapatan yang diperolehi oleh private doctors.

Saya merayu kepada Kementerian ini supaya dapat mencari jalan untuk menaikkan tingkatan gaji doktor-doktor yang berkhidmat dalam public hospital supaya kita dapat menarik hati doktor-doktor dari luar Kementerian ini dan juga dapat menetapkan doktor-doktor yang sedang berkhidmat dalam Jabatan Kesihatan sekarang, dengan demikian dapatlah kita mengatasi masala kekurangan doktor dalam negara kita.

3.45 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungan): Tuan Pengerusi, suka saya mengambil bahagian secara ringkas sahaja memandang kepada arahan yang dibuat oleh Tuan Pengerusi supaya Ahli-ahli Dewan ini bercakap lebih pendek.

Pertama sekali, saya menyokong di atas cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan bagi mendapat peruntukan \$405 juta bagi rancangan-rancangan Kementeriannya.

Perkara yang saya hendak sebutkan di sini ialah yang pertama Kepala B. 32, Aktiviti (7) Penyelidikan dan (8) Perkhidmatan Rawatan Pesakit. Saya ingin menyebutkan di sini ialah setelah saya membaca tentang laporan yang dibentangkan berkait dengan kegiatan-kegiatan perkhidmatan kesihatan, iaitu dalam bahagian mengawal penyakit-penyakit.

Tuan Pengerusi, yang ingin saya bawa ialah berkait dengan penyakit patah tulang ataupun tulang yang patah disebabkan oleh accident ataupun lain-lain. Pada masa sekarang ini saya melihat bahawa pihak hospital menjalankan rawatan yang kurang memuaskan. Kebanyakan hospital-hospital tidak mempunyai ahli ataupun tidak ada doktor yang boleh merawat pesakit-pesakit tulang ini. Kebanyakan mereka hanya disuruh ataupun dihantar ke Kuala Lumpur sahaja. Apakala accident, patah tulang, tak ada lain yang dibuatnya ialah simin dan selepas itu dihantar ke Kuala Lumpur. Setelah kita menanya kenapa mereka ini tidak mendapat rawatan yang sewajarnya, jawapan yang saya terima ialah kita tidak mempunyai doktor dalam bidang ini, hanya yang baiknya ialah di Kuala Lumpur sahaja. Saya rasa pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan harus mengambil perhatian agar perkara ini diambil tindakan segera, kerana saya dapat tahu samada di Trengganu ataupun di Kuantan kebanyakan orang-orang yang terlibat dengan penyakit patah tulang ini, mereka lebih gemar pergi mendapat rawatan bomoh di kampung kerana rawatan kampung adalah lebih baik.

Saya pernah mengambil orang ini daripada hospital dengan sebab mereka tinggal di hospital selama sebulan tidak baik penyakitnya. Patah tetap patah dan disimin sahaja. Apakala saya mengambil orang-orang ini untuk dibawa keluar, nasihat yang diberi oleh doktor yang berkenaan ialah mereka ini mesti menandatangani satu surat iaitu mereka hendak keluar dan enggan menerima nasihat doktor. Ini menjadi masala dalam perkara hendak menuntut insuran pada masa yang akan datang. Apakala saya membawa orang-orang ini keluar, saya

menyerahkan orang-orang ini kepada rawatan bomoh, dan hanya 15 hari sahaja mereka ini boleh berjalan, sedangkan duduk dalam hospital sampai satu bulan tak boleh berjalan, ini hakikat. Dan memang diakui oleh doktor-doktor di Trengganu hanya secara rasmi sahaja mereka tidak akui, tetapi secara tidak rasmi memang mereka meng-akui rawatan patah di luar adalah lebih berjaya daripada rawatan patah di hospital. Ini memang diakui dan saya beberapa kali bercakap dengan doktor sendiri, cuma kalau rasmi nanti doktor takut melibatkan Per-satuan Doktor dan banyak masaalah melibatkan tempat-tempat yang lain. Jadi, saya fikir begini, kalaulah kita tidak dapat menyedi-akan doktor otopadik, kalau kita tidak cukup doktor seperti ini, maka lebih baiklah kita mesti mencari jalan bekerjasama dengan doktor-doktor kampung yang boleh me-rawat orang-orang yang patah ini selama seminggu ataupun dalam 10 hari.

Tuan Pengerusi: Yang di kampung itu dipanggil doktor jugakah atau tok bomoh?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tok bomoh, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Jadi jangan menjadi masaalah kepada pesakit itu, apatah lagi kalau pegawai Kerajaan. Saya berjumpa beberapa orang pegawai Kerajaan iaitu polis dan askar yang patah terpaksa duduk di hospital 3 bulan. Dia hendak keluar tidak boleh, kerana mengikut peraturan yang dibuat memang pegawai Kerajaan tidak boleh keluar, terpaksa menerima rawatan doktor. Kalau dia keluar maka dianggap sudah engkar nasihat doktor. dan terpaksa diberhentikan, hilang bonos dan hilang berbagai-bagai perkara. Ini tidak baik. Yang baiknya biarlah ada kerjasama. Orang-orang yang pandai terpaksa kita mengakui pandai. Jangan orang pandai kita kata dia tidak pandai. Saya boleh menunjukan bukti, kalau beberapa doktor hendak bawa orang-orang yang patah kepada tok bomoh Melayu atau bomoh kampung untuk rawatan tulang, saya boleh bawa, saya boleh tunjukkan bukti. Saya minta Menteri yang berkenaan haruslah mencari jalan ataupun sediakan di tiap-tiap Hospital Daerah ataupun hospital Negeri itu enggan doktor otopadik yang benar-benar berkebolehan.

Kalau tidak boleh disediakan, kita mesti bekerjasama dengan orang ini samada dia bomoh Melayu atau sinseh China. Tetapi kepada saya, saya tahu ialah bomoh Melayu yang memang boleh. Kalau patah, insya Allah 10 hari bolehlah berjalan lebih kurang.

Itulah sahaja pandangan saya secara ringkas dan saya harap mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri.

3.52 ptg.

Dr Tan Chee Khoo (Kepong): Nampaknya, Tuan Pengerusi, Menteri yang berkenaan perlu dinamakan Menteri Kesihatan, Bomoh dan sinseh juga.

Tuan Pengerusi, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia.

Yang pertama, saya hendak sentuh tentang kekurangan doktor-doktor yang disebutkan oleh Menteri yang berkenaan. Pada masa sekarang kita sedar doktor-doktor yang baru berkhidmat dengan Perkhidmatan Kerajaan selepas housemanship terpaksa bekerja dua tahun. Tetapi Yang Berhormat Menteri pada hari ini dan di suratkhabar juga ada mengumumkan bahawa Kerajaan ingin melanjutkan perkhidmatan itu selama 5 tahun.

Tuan Pengerusi, saya hendak memberitahu kepada Kerajaan atau kepada Menteri yang berkenaan jika sekiranya Kerajaan mengambil langkah seperti itu, langkah itu boleh dikatakan dalam bahasa Inggeris "counter-productive".

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, the way it can be counter-productive is that the Minister may well find that the young doctor may not even want to do his housemanship in this country and may not want to practise in this country. We know too that the training of the doctor is the most costly affair in the Universities in our country, and they may go to England, Australia and Canada to do their housemanship and stay there for good. So, I would warn the Minister of Health that his Ministry should think very carefully before he makes this discrimination against the doctors in this country because I have not heard of the engineers, or the architects or the valuers, for example, being compelled to work for five years and they are also very scarce commodities in this country, but we only hear it from the Minister of Health.

I would submit to the Minister that instead of wanting to lengthen the compulsory service of doctors in this country, he should find ways and means to increase the output of doctors in this country. I am sure the Minister knows very well that the intake into the University of Malaya at the moment in the Faculty of Medicine is 128. If the Government gives its approval and provides the funds, the intake can be increased to 160. This the Minister knows and, therefore, if it can be done, then the output in another five to six years time will be increased by 32 per year, which would not be a small number.

The other thing is the intake into the Faculty of Medicine in the Universiti Kebangsaan. The Minister has stated that the intake at the moment is 40. It is an infant Faculty and naturally it is 40, but there is no reason why the intake into the Faculty of Medicine, Universiti Kebangsaan, should not be increased to 160, for example, particularly so when that Faculty is still in the planning stage and the building can be built in such a way as to provide for an intake of 160. If that is so, Mr Chairman, Sir, then the output, instead of being 40 per year, can be 160 per year. That would, Mr Chairman, Sir, bring a total increase in the output in the next few years to $120 + 32 = 152$.

Now the Minister, early this year and other Ministers as well, including the Deputy Prime Minister, had stated that they all support the establishment of a third Faculty of Medicine. The Minister himself has publicly stated this. I would like to ask the Minister of Health what has become of his suggestion that there should be a third Faculty of Medicine in the Universiti Sains Malaysia in Penang. If that Faculty comes into being and if the intake can be increased to 160, then I would say that for the rest of the century, this country can produce enough doctors to look after the patients care in this country, and to have a doctor/population ratio of 1: 3,500 that the Minister has alluded to.

Apart from the increased intake of doctors into our medical schools, Mr Chairman, Sir, I wish to draw the attention of the Minister that his Ministry should take active steps to see that the young doctors, the older doctors and the specialists do not resign from Government service. Now, one of the reasons why the young doctor resigns from the

Government service is because he looks around and says "There is no hope for me here; I want to be a surgeon; they dumped me in Besut and forget about me all the time." The Ministry should see that there is a very strict rotation system whereby everybody has his spell in the rural area and is given a chance to come to the major hospitals to prepare himself for a post-graduate degree if he wants to. Not everybody wants to be a surgeon or a psychiatrist and the like but opportunities should be provided. If these opportunities are provided, then I would submit that the resignation of the younger doctors from Government service will be lessened.

The other thing, Mr Chairman, Sir—I have said it before in this House and I reiterate it again—is that there are not enough superscale posts in the Medical Service to retain the specialists. I think I am correct in saying that the top Superscale post for the top clinician in this country is only a superscale "D"; and when the superscale "D" surgeon or the physician or the radiologist looks around and sees his contemporaries—those who were in school when he had already graduated—become superscale "A" while he lingers at superscale "D", he is not happy. Such a salary structure is not acceptable to the doctors in this country. I do know that the Minister is sympathetic towards this but he must use his weight in the Cabinet to persuade his Cabinet colleagues and the Treasury to see that there are higher and adequate number of superscale post in the Medical Service. I submit that there should be a bigger number not of superscale "D" but of superscale "C" and a few superscale "B" posts for top clinicians and not for those only in the Ministry, Mr Chairman, Sir.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Now, Mr Chairman, Sir, sometime last year the Minister had uttered public warnings to some of his medical officers that they should not indulge in politics and that if they want to indulge in politics, then they must leave the Ministry. I fully commend the Minister concerned for his warning to the doctors concerned. I want to bring to the attention of the Minister the fact that some, very few, of the doctors in the Ministry of Health also are now indulging in business, and he must also now issue a warning to the

doctors in the Ministry that if they want to be businessmen, whereby they can make far more money than they are getting with the Ministry, then they should leave the Government service and be 100% businessmen, and, perhaps, increase their bank balances five-fold every month.

Now, Mr Chairman, Sir, I wish to thank the Minister and his Ministry for the co-operation that they have extended to the general practitioners of this country. I am very glad that the Ministry has at long last recognised that the private practitioners and the Government servants who are doctors are both serving the same purpose. One is paid by the taxpayer while the other is paid by the patient, but they all serve to improve the standard of health of the people of this country. To that extent, the recent circular to the various hospital administrators asking them to provide facilities for private doctors and asking the consultants to liaise with the private practitioners' bodies in order to raise the standard of medical practice amongst the private practitioners is an admirable step, and I want to congratulate the Ministry for this move. But the Minister and the Ministry should do more than that. The Minister knows that private practitioners, particularly the one-man practice, are greatly handicapped. For example, laboratory facilities are not available, and these facilities should be freely available to the private practitioners at a greatly reduced cost. The Ministry must not take the view that because a trishaw man can go and see a private practitioner, therefore he should be charged for example, \$10 for an X-ray that the private practitioner wants him to take because the trishaw man may want to go to the private practitioner because he cannot afford to wait the whole day long in the Government clinic. He comes to the private practitioner's clinic and perhaps he goes out in less than one hour, and therefore, he can make a living.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, you have only half a minute to wind up.

Dr Tan Chee Khoon: Pardon.

Tuan Pengerusi: You have half a minute to wind up.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, I have not spoken even for five minutes.

Tuan Pengerusi: Haven't you?

Dr Tan Chee Khoon: No, I have not spoken for five minutes yet.

Tuan Pengerusi: You started speaking at 3.52 p.m. Don't think that because I just came here, I did not know when you started speaking, you started at 3.52 p.m., and that means that you have already spoken for about ten minutes.

Dr Tan Chee Khoon: I submit "no", but I shall be very brief, Sir.

Tuan Pengerusi: All right. Wind up then.

Dr Tan Chee Khoon: I shall try and wind up, Sir. I hope that the Minister should extend these facilities to the private practitioners and to the private hospitals because the fact that any patient who goes to a private hospital and sees a private practitioner means that there is one patient less for the Government hospital to take care of.

Lastly, Mr Chairman, Sir, I want to draw the attention of the Minister to the Hospital Besar, Kuala Lumpur. The Hospital Besar, Kuala Lumpur now is such a gigantic hospital that it accommodates more than 2,000 patients. Possibly, it is bigger than the Cook Country Hospital which was at one time reputed to be the largest hospital in the world. I think the Ministry should not extend the General Hospital anymore because it will become unmanageable with more than 2,000 patients. I want to bring to the attention of the Minister that he should look into the question of the Architects in the Hospital. I am told that everytime there is a new building going up, the contract is given to the same Architects. I think that is not a wise move, not because I have anything against the Architect concerned. I have been serving on the Tenders Board of the University of Malaya for the last fifteen years

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, your time is up.

4.05 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya menyokong Kepala Bekalan 32—Kementerian Kesihatan yang berjumlah lebih kurang \$405 juta. Saya rengkaskan sahaja ucapan saya terhadap Kementerian ini berkenaan dengan Hospital Daerah Tanjong Karang.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya pada hari ini sudahlah sampai masanya Hospital Tanjong Karang ini diperluaskan perkhidmatannya dan diperbesarkan. Sebab-sebabnya saya katakan begitu ialah oleh kerana hospital tersebut adalah menampung pesakit-pesakit dari dua buah daerah yang tertentu, iaitu Sabak Bernam dan Kuala Selangor dan penduduknya tidak kurang daripada 200,000 orang. Pada hari ini Kementerian pun faham hospital itu cuma ada 80 buah katil sahaja dan dua orang doktor yang melayankan pesakit-pesakit di situ.

Tentang kekurangan staff, itu sudah termaklum oleh Kementerian, tidak payahlah saya sebutkan, dan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pun sudah berjanji kepada saya untuk mengatasinya. Saya harap perkara ini dapat dilaksanakan dengan seberapa segera yang boleh. Saya desak iaitu Hospital Tanjong Karang ini patut dinaikkan tarafnya. Kalaulah Klang atau Kuala Langat diperluaskan perkhidmatannya, lebih-lebih lagi bagi Tanjong Karang. Apatah lagi sejajar dengan rancangan negara kita hendak memperluaskan makanan, mengatasi inflasi dan stagflasi, sudah barang tentu petani-petani ada barisan depan, dan mereka ini patut dikawal dan diatasi kesihatannya supaya mereka sentiasa sihat dan dapat mengeluarkan makanan untuk membantu negara bagi menghadapi inflasi dan stagflasi.

Yang keduanya, berkenaan doktor gigi. Perkhidmatan pergigian di Tanjong Karang ini tidaklah begitu memuaskan. Tadi saya mendengar Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan kanak-kanak sekolah diberi perkhidmatan pergigian, tetapi di Tanjong Karang hanya sekadar di pekan itu sahaja. Di sini saya mendesak Kementerian mengarahkan mobil itu supaya pergi ke tiap-tiap sekolah, bahkan kepada kawasan pendalaman. Di Tanjong Karang itu sekolahnya banyak di kawasan pendalaman dan ini tidak ada kereta pergigian pergi ke situ.

Yang ketiganya untuk kerjasama daripada Kementerian Kesihatan kerana tadi ada menyebutkan, iaitu berkehendakkan muhibbah di antara orang ramai dengan hospital. Bagi Tanjong Karang lebih daripada 90% penduduknya adalah orang kita Melayu yang beragama Islam, maka sudah sewajarnya Kementerian ini mendirikan sebuah surau

untuk mereka itu dapat menunaikan sembahyang fardu bila sampai kepada masanya dan untuk mayat-mayat ditempatkan sementara waktu diambil oleh waris-warisnya.

Yang penghabisan sekali saya suka untuk memberi pengetahuan dan tindakan Menteri yang berkenaan dengan sewajarnya iaitu ada beberapa buah sahaja quarters untuk staff di sana, untuk pegawai-pegawai Kesihatan, tetapi malangnya tidak diperbaiki sehingga beberapa tahun. Sedih saya menengokkan pegawai di situ—sudahlah mereka itu taat duduk di kawasan yang begitu jauh daripada bandar, tetapi tidak dapat layanan yang baik seperti rakan-rakannya di tempat yang lain.

4.10 ptg.

Pengiran Tahir bin Pengiran Patara (Kimanis): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian menyokong peruntukan Kementerian Kesihatan bagi tahun 1975 yang telah dibentangkan itu sejumlah \$405,011,250. Peruntukan yang melebihi jumlahnya dari peruntukan tahun 1974 adalah berpatutan, kerana kesihatan rakyat adalah penting sekali di dalam usaha pembangunan negara. Lebih-lebih lagi di saat inflasi ini, di mana tenaga rakyat diarahkan supaya mengeluarkan bahan-bahan makanan yang banyak.

Usaha Kementerian ini untuk memberikan rakyat-jelata akan senentiasa berada dalam keadaan sihat baik dari segi fizikal, mental dan sosial adalah merupakan khidmat dan sumbangan besar bagi mewujudkan tenaga dan fikiran rakyat yang lebih kuat dan cergas di dalam menyertai usaha melaksanakan perkembangan dan pembangunan negara dalam semua segi.

Tuan Pengerusi, kita memang sepatutnya memberi penghargaan dan pujian terhadap matlamat atau tujuan asas Kementerian ini untuk memberi perkhidmatan yang cekap supaya kesihatan negara selaras dengan keperluan pembangunan ekonomi dan kemajuan kemasyarakatan. Saya berharap dengan peruntukan dan tambahan peruntukan yang ada ini serta dengan kerjasama daripada semua golongan rakyat akan membolehkan Kementerian ini berjalan menuju matlamatnya.

Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit dalam B. 32 muka surat 247 pecahan-kepala (Kod) 2800 dan juga Kepala Pembangunan P. 32 muka surat 259.

Tuan Pengerusi, tambahan bagi peruntukan aktiviti Perkhidmatan Kesihatan Awam yang melebihi \$13,290,390 atau 19.5% lebih dari peruntukan tahun 1974 itu adalah adil dan dialu-alukan. Kerana dengan peruntukan yang lebih ini akan memudahkan Kementerian ini menyempurnakan rancangan-rancangan aktiviti yang berguna dan diperlukan oleh rakyat terutama di kawasan-kawasan luar bandar. Saya sangat tertarik hati dan tidak lupa memberi pujian kepada Kementerian ini, kerana dalam perkhidmatan kesihatan awam, Kementerian ini menambah dua lagi aktiviti baru, iaitu mengadakan Perkhidmatan Jururawat Desa dan juga akan mengadakan Perkhidmatan Pasukan Bergerak Kesihatan Desa yang akan menjalankan perkhidmatan ke kampung-kampung dan ke sekolah-sekolah. Juga mengadakan pengawalan penyakit berjangkit dan kebersihan alam sekeliling.

Tuan Pengerusi, kedua-dua aktiviti baru ini jika berjalan sepenuhnya ianya benar-benar akan memberi pertolongan dan memudahkan rakyat di kampung-kampung, ini akan membolehkan pesakit-pesakit yang kurang berbahaya mendapat rawatan dan bekalan ubat dengan segera. Mereka tidak lagi bersusah-payah membuang masa yang panjang dan perbelanjaan yang banyak pergi ke hospital ataupun pusat-pusat kesihatan yang jauh daripada tempat mereka. Kepada Kementerian ini saya berharap kedua-dua aktiviti baharu ini akan juga diadakan di Sabah, kerana kalau dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia keadaan di Sabah masih kekurangan pusat-pusat kesihatan, maka kedua-dua aktiviti baharu ini amatlah diperlukan di negeri itu. Perkhidmatan Kesihatan di Sabah telah diambil alih oleh Kementerian ini dalam beberapa tahun sudah, dari itu saya percaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sudah melawat ke negeri itu dan tentulah telah mengetahui akan keadaan perkhidmatan perubatan di sana. Apa yang kita tahu perkhidmatan kesihatan di Sabah masih dalam serba-serbi kekurangan, samada alat-alat di hospital-hospital, pegawai dan kakitangan-kakitangan yang terlatih terutama sekali pegawai-pegawai perubatan. Ada pula doktor-doktor telah bertugas beberapa tahun berhenti, ini barangkali kerana penat bekerja dan kerana gajinya kurang. Sebahagian daripada doktor-doktor yang telah berhenti itu membuka perniagaan sendiri.

Tuan Pengerusi, ada daerah-daerah di Sabah yang mempunyai penduduk-penduduk seramai lebih dari 30,000 hingga 40,000 orang hanya mempunyai seorang doktor sahaja, misalnya, di Daerah Papar yang terletak di dalam kawasan pilihanraya saya mempunyai lebih 36,000 orang, tetapi doktor yang bertugas itu hanya seorang sahaja. Hal ini dapatlah kita bayangkan bagaimana susahnyanya seorang doktor menghadapi tugas-tugas yang begitu banyak dan berat. Dan ada beberapa buah daerah lagi yang mempunyai ramai penduduk-penduduknya, misalnya, daerah Kuala Penyu, Tuaran, Sepitang dan lain-lain daerah lagi yang mempunyai hospital-hospital ataupun dispensari-dispensari yang sudah beberapa lama, dibina tetapi hingga hari ini belum ada lagi doktor yang ditempatkan di daerah-daerah ini. Saya harap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan mengambil perhatian dan mengatasi perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya berharap supaya Kementerian ini di masa-masa yang akan datang menambah dan membanyakkan peruntukan untuk menambah kelinik-klinik dan pusat-pusat kesihatan di luar bandar, dan mengambil lebih ramai lagi belia-belia dan penuntut-penuntut yang tidak lagi dapat menyambung persekolahan diberi peluang memasuki pusat-pusat latihan jururawat dan pembantu-pembantu hospital. Saya juga minta Kementerian ini memberi peluang yang lebih banyak lagi kepada pegawai-pegawai perubatan di Sabah diberi biasiswa untuk melanjutkan pelajaran dibidang kepakaran perubatan.

4.16 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyokong Anggaran Perbelanjaan Kementerian Kesihatan di bawah Kepala B. 32 dan P. 32 Anggaran Pembangunan berjumlah \$405,011,250.

Tuan Pengerusi, saya menyambut baik butir-butir rancangan dalam belanjawan Kementerian Kesihatan bagi tahun 1975. Langkah-langkah bagi memesatkan lagi perkhidmatan kesihatan yang lebih berkesan kepada penduduk-penduduk luar bandar patutlah dialu-alukan. Sementara itu, saya ingin menarik perhatian Kementerian berkenaan kepada satu dua perkara yang saya rasa perlu dijalankan oleh Kementerian

Kesihatan mengenai dengan Perkhidmatan Kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar dan di kawasan-kawasan yang mundur. Dalam hal ini sukalah saya membawa misal kepada kawasan Tumpat yang mempunyai lebih kurang 60,000 orang penduduk dengan keadaan serba mundur dalam kehidupan, tambahan pula dengan kesukaran perhubungan yang dialami oleh penduduk-penduduk di beberapa buah pulau.

Di sini, sukalah saya mengesyorkan kepada pihak Kementerian Kesihatan mengadakan sebuah motobot yang laju ditempatkan di Klinik Sungai Pinang supaya dapat membawa pesakit-pesakit daripada pulau-pulau ke Hospital Besar Kota Bharu.

Di kawasan Tumpat ini sekarang selain daripada mempunyai seorang doktor yang bertugas di samping beberapa orang pegawai Kesihatan, maka tidak ada layanan-layanan serta kemudahan-kemudahan perubatan umpamanya jika dibandingkan perkhidmatan klinik doktor-doktor swasta seperti di lain-lain kawasan. Penduduk-penduduk di kawasan pendalaman dan di Pulau-pulau itu amatlah sukar untuk mendapatkan rawatan doktor yang disediakan oleh Kerajaan. Disebabkan kekurangan tenaga perubatan, atau dengan lain-lain perkataan, tenaga pegawai perubatan di Tumpat tidak mencukupi, dan rakyat di kawasan Tumpat tidak dapat menikmati kemudahan perubatan ataupun lain-lain perkhidmatan kesihatan menurut sewajarnya. Oleh yang demikian, sesuai dengan hasrat Kerajaan hendak memesatkan lagi perkhidmatan kesihatan yang lebih berkesan di dalam tahun akan datang, maka Kementerian Kesihatan patutlah mengadakan sebuah hospital di Tumpat dan menambah bilangan pegawai-pegawai Kesihatan serta kemudahan-kemudahan perubatan di sana dalam tahun 1975 nanti. Sungguhpun bandar Tumpat terletak lebih kurang 14 batu daripada bandar Kota Bharu, tetapi penduduk di kawasan luar bandar, terutamanya mereka yang tinggal di pulau yang tidak dapat kemudahan perhubungan itu terasa begitu sukar untuk mendapatkan rawatan di Hospital Besar Kota Bharu.

Tuan Pengerusi, sukalah saya menyentuh sedikit mengenai Hospital Besar Kota Bharu. Di Hospital Besar Kota Bharu pada masa ini terdapat sungutan-sungutan daripada pesakit-pesakit luar berkenaan dengan

tandas-tandas Hospital Besar Kota Bharu adalah sangat terhad, tidak mencukupi bagi kegunaan pesakit-pesakit luar dan keadaannya kotor dengan tidak begitu terkawal.

Kedua, Tuan Pengerusi, mengenai dengan kantin di Hospital Besar Kota Bharu sangatlah sempit bagi pesakit-pesakit luar untuk membeli-belah di kantin-kantin tersebut bahawa ianya tidaklah sesuai dengan keadaan sebuah hospital yang besar. Saya berpendapat patutlah dibuat di tempat yang lain atau diperbesarkan lagi dan mengenai Bilek Makmal Perubatan amatlah berjauhan, dengan demikian ianya membawa kesusahan kepada pesakit-pesakit luar yang teruk bila dibuat sesuatu pemeriksaan seperti pemeriksaan darah, najis dan lain-lain. Bilek Makmal itu bangunannya selalu banjir bila musim hujan, kerana airnya tidak dapat mengalir disebabkan parit-parit di jalan hospital itu tertutup. Di situ patutlah pihak yang berkenaan mengambil perhatian yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, saya juga suka mencadangkan di sini supaya Kementerian Kesihatan membanyakkan lagi program-program lawatan pegawai-pegawai kesihatan ke merata ceruk kampung untuk memberi ceramah kepada orang-orang kampung dengan lebih luas dan berkesan, tentang bagaimana cara-cara dan kaedah-kaedah untuk mengawal kesihatan dan berikhtiar menjauhkan diri daripada serangan penyakit berjangkit, lebih-lebih lagi penyakit-penyakit berjangkit terutama di kalangan kanak-kanak. Di dalam menjaga atau mengawal kesihatan pihak Kementerian bukan sahaja patut menjalankan rancangan-rancangan dan gerak melawan sesuatu wabak penyakit yang telah menyerang, tetapi juga memberi panduan kepada rakyat untuk mempertahankan diri sebelum datangnya satu-satu serangan penyakit itu.

Tuan Pengerusi, untuk maksud itu rakyat perlu diberikan bimbingan dan panduan yang berkesan supaya mereka dapat mengenali tanda-tanda atau alamat-alamat sebagai penyakit dan tahu pula berikhtiar menghapuskan tanda-tandanya lebih awal lagi.

Selain daripada itu, saya rasa patut juga saya mengingatkan di sini satu perkara yang selalu menjadi buah mulut dan sungutan setengah-setengah daripada orang kampung tentang pakaian bidan-bidan klinik yang datang merawat ibu-ibu bersalin di kampung.

Pakaian gaun seperti sekarang ini dikatakan kurang manis bagi bidan-bidan itu di dalam masa bertugas memberikan rawatan ke rumah-rumah ibu bersalin. Pakaian yang lebih menutup aurat adalah lebih sesuai dan lebih menimbulkan rasa mesra di kalangan orang-orang kampung. Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

4.24 ptg.

Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin (Jerlun-Langkawi): Tuan Pengerusi, dalam menyokong rayuan Kementerian Kesihatan bagi memperolehi bantuan sebanyak \$405,011,250, sukacita saya menyentuh perkara B. 32, Pecahan-kepala 2—Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar.

Salah satu perkara yang biasa berlaku di kawasan luar bandar ialah perkara kematian mengejut penduduk-penduduk kampung hasil daripada fatal accident atau kemalangan yang tidak disangka. Umpamanya jatuh mati dalam telaga-telaga, dalam sungai-sungai atau ditindih oleh motorsikal di jalan-jalan raya luar bandar yang baru yang tidak berlampu. Kes-kes kematian yang seperti ini selalunya terpaksa dibuat laporan kepada pihak polis dan kemudiannya dibawa ke hospital untuk dipostmortemkan sebelum mayat itu dapat dikebumikan.

Bagi penduduk-penduduk kampung peristiwa ini adalah peristiwa yang agak menyedihkan dan juga satu peristiwa yang agak expensive atau mahal dan amat sukar sekali bagi diselesaikan. Sebabnya kerap kali tempat-tempat kejadian terlalu jauh dari Pejabat Polis untuk dibuat laporan dan kesukaran ini bertambah lagi apabila hospital-hospital pula jauh untuk membawa mayat itu bagi dipostmortemkan, atau jauh daripada tempat-tempat trejidi, kadangkala sampai 30 batu daripada tempat kejadian. Masa banyak terbuang dalam perjalanan dan wang yang banyak juga terpaksa digunakan untuk tambang dan makan bagi membawa waris-warisan dan saksi-saksi ke hospital bagi menyelesaikan perkara ini.

Apa yang menyedihkan lagi selepas masa dan wang yang begitu banyak sekali dibelanjakan, mayat yang dibawa ke hospital pula kadangkala tidak dapat diadakan post-mortem atau dibenarkan bawa keluar sehingga sehari selepas itu. Walaupun waris-warisan sudah buat akuan yang mereka tidak

akan buat sebarang tuntutan. Benar undang-undang post-mortem dibuat untuk menyelamatkan dan memberi keadilan kepada pihak-pihak yang terlibat, tetapi undang-undang ini saya agak dibuat di zaman penjajah yang mungkin tidak begitu menitikberatkan ugama dan kesusahan orang-orang luar bandar. Adakah kemungkinan yang Kementerian Kesihatan ini akan mengkaji semula tentang kedudukan undang-undang ini dan cara kerja di Pejabat Polis supaya cara perlaksanaannya itu akan dapat dibuat dengan tidak mendatangkan keberatan cost dan masa kepada orang-orang di luar bandar.

Baharu sebentar tadi Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyebutkan bahawa di Sabah dan Sarawak Menteriannya ada rancangan bagi menyelamatkan orang-orang yang sakit teruk dan mengalami kecemasan dengan cara kapal terbang. Sukacita saya merayu supaya rancangan yang sama kalau tidak bot kesihatan yang laju pun jadilah diadakan untuk pesakit-pesakit yang serious di kawasan Pulau Langkawi, kerana kedudukannya adalah amat jauh daripada daratan untuk dirawat oleh doktor-doktor yang mereka memerlukan. Dengan cara yang ada sekarang, orang-orang yang sakit teruk terpaksa dibawa dengan bot penumpang yang bukannya sesak dengan manusia, tetapi dengan ikan dan binatang-binatang dan di samping itu pada masa waktu air surut ianya diubah tempat pula, dipertengahan jalan dengan diubahkan kepada satu bot yang asing. Oleh itu saya harap supaya kesusahan bagi pesakit-pesakit teruk di kawasan Langkawi dapat diatasi dengan sistem transport kesihatan yang agak lebih sesuai bagi penduduk-penduduk di Langkawi.

Akhirnya sukacita saya menyentuh tentang hal kempen mengurangkan nyamuk aedes. Tentulah Kementerian sedar bahawa banyak pembangunan rancangan-rancangan perumahan dan pejabat-pejabat sedang berlaku di kawasan luar bandar dan kawasan dalam bandar. Tempat-tempat ini kadang-kadangnya dipenuhi dengan tong-tong buruk, timba-timba buruk, botol-botol minuman kosong kerana perkakas-perkakas ini dibuang secara bebas oleh pihak-pihak pekerja kontraktor dan benda-benda ini dijadikan tempat pembiak nyamuk aedes. Apakah langkah yang Kementerian cadang untuk mengambil tindakan yang lebih menakutkan pihak-pihak

pekerja dan kontrektor yang tidak bertanggungjawab itu dalam membantu Kementerian Kesihatan bagi mengurangkan breeding ground nyamuk-nyamuk ini?

4.29 ptg.

Tuan Farn Seong Than (Sungai Besi): Tuan Pengerusi, saya ingin berucap atas Kepala B. 32, Kementerian Kesihatan dan saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, if the country is moving into economic and social advancement, it is very important for the Government to render to the people an efficient health service. Though our population has increased considerably over the last number of years—it is estimated to reach 11.6 million in mid-1974—it is disappointing to note that the growth in health facilities and health personnel have not been very progressive. In the year 1973, the doctor—population ratio was 1 doctor to every 4,562 persons; for hospital assistants the figure was 1 hospital assistant to every 9,038 people.

First of all, it is very essential for the Ministry of Health to recruit more health personnel in order to bring about an adequate health service to the people. Mr Chairman, Sir, the course of development in the country has changed the trend in sick cases. Accordingly, there is an increase in accidents and the incidence of heart and mental cases, though there is a decline in communicable diseases such as tuberculosis and malaria. In the light of such changes, it is necessary for our health service to adopt a more sophisticated approach to solve the more complex health problems. As our country projects itself into various forms of economic, social and environmental advancements, the psychological and mental outlook of our people have to keep pace with the rampant tempo of these developments. It is quite natural that some unfortunate disenchanted ones are left behind whereby resulting in frustration and discontentment, and some of these unfortunate ones ultimately lead to various forms of mental disorders.

Mr Chairman, Sir, according to the Treasury Economic Report, it shows that the psychiatrist—population ratio in Malaysia is extraordinarily irrelevant where one psychiatrist is to 1.5 million people. Taking this figure into consideration, it is appalling to

note that Malaysia, with a population of 11.6 million people, has barely a dozen psychiatrists in the whole country. I have received complaints by relatives of mental patients that the attention given to mental patients in the two mental hospitals is not sufficient and adequate.

Tuan Pengerusi: Did you visit any of these hospitals, Honourable Member?

Tuan Farn Seong Than: Yes, I visited the one in Tanjong Rambutan, but I am not a mental patient. (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi: I did not imply that, but I asked only whether you did visit.

Tuan Farn Seong Than: Yes, Sir. Another thing is that, as I have said, the existing two Government mental hospitals in the country are congested and overcrowded with patients thereby making working conditions unbearable to the hospital staff there. Mr Chairman, Sir, in view of the acute shortage of trained personnel as well as inadequate facilities in the field of psychiatric treatment, it is not unusual that a great number of mental patients are deprived of the opportunity of a suitable treatment. I, therefore, urge the Minister of Health to look into this problem as mental illness is a far more complicated illness as compared to other illnesses.

Mr Chairman, Sir, the general health condition of a person is very much influenced by the diet a person takes. According to the Treasury Economic Report for 1974-1975, the diet of a Malaysian child generally is undernourished. The diet is often lacking calories, proteins, vitamin A and iron. Mal-nutrition is widespread in the rural areas, in kampungs, in estates and in new villages, where most of the occupants are low-income earning people. The current inflation and the increased prices of all essential foodstuffs have further aggravated the situation. As such, it is fundamental for the Government to maintain a Food Aid Scheme to the undernourished people in the rural areas as well as to the urban poor and should give supplementary feeding to pregnant and lactescent mothers and school children. Though the Government has claimed that such a scheme has been introduced, nobody knows to what extent. Judging from the Economic Report of the

Treasury, very little is being done to rectify the situation. Mr Chairman, Sir, in my humble opinion, the Supplementary Feeding Scheme, if encouraged to expand, will help to a great extent in reducing sickness as I believe a well-fed person, be he or she, young or old, will be less susceptible to sickness as prevention is better than cure. In this way, the Government will go a long way in saving money for the Ministry of Health and at the same time raising the health standard of the people.

Now, Mr Chairman Sir, I wish to touch on the danger of dengue fever which has plagued the country during the earlier part of this year. Up to September this year, there was 1,420 reported cases, of which there were no less than 97 deaths. In the whole period of 1973, there were only half as many deaths caused by dengue fever. I hope the above figure will serve as a warning to the Health Ministry.

Lastly, Mr Chairman, Sir, in early October this year, the Honourable Minister of Health was reported in the *New Straits Times* to have said that a legislation called "the Prevention of Disease-bearing Insects Bill" will be introduced to control the dengue disease. Sir, it appears to me that this proposed legislation is nothing but a legal weapon aimed, at the slightest excuse, that the public is caught in breeding mosquito. And I hope, before this Bill is being tabled in Parliament, the Ministry of Health will look into it and will study the matter thoroughly, so that the members of the public will not be victimised as in the case of the anti-litter law. I have received complaints from my constituents along Jalan Sungei Besi that some of the anti-litter law enforcement officers were acting quite irresponsibly, without much favourable discretion towards the shopkeepers. Some of the papers were littered around their places but were not thrown around by the shopkeepers, but still they were given summons. And I hope that this Bill, the Prevention of Disease-bearing Insects Bill will be studied thoroughly and carefully before introducing it for the interests of the public. At this juncture, I wish to point out to this Honourable House that, in most cases of mosquito breeding, the authorities are much to be blamed. More often than not, the local authorities in many parts of the country do very little in clearing the mosquito breeding areas, such as stagnant swampy

ponds and stagnant monsoon drains etc. What is worse is that there are very few D.D.T. sprayers going round spraying insect disinfectants to deter mosquito breeding.

Mr Chairman, Sir, I hope the Health Ministry does not expect the public to spray D.D.T. on stagnant ponds or to clear up the monsoon drains when at the same time they are taxpayers. I, therefore, urge the Minister of Health to instruct all Health Departments or local authorities to do their job well first before trying to put the blame and responsibility on the members of the public. By putting this record straight first, the Ministry of Health will have to restore much of the public confidence on the Ministry because of the negligence it used to indulge in some cases of public importance.

4.40 ptg.

Tuan Wee Ho Soon (Bandar Sibul):
(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I would like to refer to Head B. 32—Kementerian Kesihatan, Code 1100—Salaries and Wages.

Mr Chairman, Sir, in a developing nation like ours, orderly developments in all fields will ensure the greatest benefits to the people irrespective of race or creed; but plans of the various projects look grand on paper; to implement them is another matter.

Mr Chairman, Sir, in Sarawak, we are happy to note that development projects are in progress including the construction of roads and bridges, the provision of medical services to remote areas through the "Flying Doctor Service" and the construction of hospitals and dispensaries. However, in Sarawak, the acute shortage of properly qualified professional personnel such as doctors, nurses, engineers and so on is holding up the implementation of various projects. The shortage of qualified manpower is an urgent problem that needs to be looked into with all possible speed, to recruit suitably qualified personnel to implement the development projects. The remunerations offered to them must also be adequate and attractive. Mr Chairman, Sir, I feel that the remuneration provided to our professional personnel is rather low compared to that offered by the private sector. As a result, many Malaysian citizens, after completing their courses of studies overseas, hesitate to return and they would rather prefer to stay and

work abroad for reasons too obvious to describe. Over the past years, many Government professional men have left the service in order to establish their own private practice after working for some time in Government service. Perhaps at this juncture, I hope it is not out of point for me to request that their salary structure be reviewed.

Mr Chairman, Sir, from the recent Press reports, the Ministry of Health announced that this year it has registered 541 overseas-trained nurses who have shown a desire to return to Malaysia. But this number is less than 25% of the number of Malaysian nurses working in overseas countries especially in Britain. The Ministry has estimated that there are about 2,400 Malaysian nurses working abroad. It also stated that the good response it had received from the Malaysian nurses working in Britain to come and serve here was due to the personal interest taken by the Honourable Health Minister on this matter. The Honourable Minister assured these nurses that he would look into their problems and would take steps to cut the time lag to a minimum between their application and appointment to Government service. The sources also said that the salary structure of the nurses might be reviewed in order to lure back Malaysian nurses from abroad and to retain their services. Mr Chairman, Sir, I greatly welcome the proposed measure to be taken by the Honourable Health Minister.

Incidentally, while on this subject, I hope it might not be out of point for me to draw the attention and ask the Health Ministry to find out why so many of our girls have gone, and will continue to go overseas to take up nursing studies when our midwifery and nursing courses have already been well established for the past many years. Granted that the intake of students to these courses is limited, are those students accepted for training, selected on the basis of merit? Are those accepted by the overseas institutions for training rejected by our own training schools on the grounds of low academic qualifications? If not, why? Mr Chairman, Sir, I feel that the best of students should be selected. However, I wish to enquire whether the Health Ministry will review the salary for the doctors in order to lure back Malaysian doctors from abroad into our Government service and also to prevent doctors now in Government service from resigning to go into private practice.

Mr Chairman, Sir, I wish also to take this opportunity to request the Government to review also the salary for other professional personnel and to solve the acute shortage of technical staff. It is undeniable that the technical and professional personnel play a very important role in all the developing countries—Malaysia is no exception.

Mr Chairman, Sir, in our country, there are a lot of graduates who have returned from institutions of higher learning overseas. Although these institutions are not recognised by the Government, the value of their degrees or diplomas is recognised. These graduates have shown their worth or proved their salt in the private sector. It is in the interests of the people and the country to employ these graduates who can offer their knowledge in helping to develop our country as planned.

4.46 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Pengerusi, sukaiah saya memberikan sokongan kepada peruntukan Kementerian Kesihatan yang berjumlah \$405,011,250.

Memandangkan perkhidmatan kesihatan sebagai salah satu perkhidmatan yang amat mustahak, maka peruntukan ini amatlah wajar sekali.

Walau bagaimanapun, sukaiah saya menarik perhatian, Tuan Pengerusi, perkara-perkara yang harus diperbaiki.

Mula-mula sekali saya ingin menyentuh perkhidmatan kesihatan di ladang-ladang. Perkhidmatan yang kita dapati di tempat-tempat yang tersebut, pada hemat saya, telah menjadi amat buruk dan tiada memuaskan.

Kebanyakan kawasan-kawasan di sekeliling-sekeliling rumah-rumah buruh estet tiada teratur dengan sempurnanya, dan memerlukan peperiksaan Jabatan-jabatan yang berkenaan, supaya sesuatu tindakan untuk membaiki keadaan ini dapat dijalankan. Kumpulan rumah-rumah sakit yang disediakan oleh pihak majikan sangat kekurangan kakitangan.

Sebahagian dari rumah-rumah sakit itu hanya mempunyai seorang Pembantu Penolong Rumah Sakit (Hospital Assistant). Selain dari itu, wad-wad di rumah-rumah sakit itu tiada teratur dengan kemasnya dan jarang-jarang dilawat oleh doktor-doktor. Kebanyakan kumpulan rumah-rumah sakit

itu hanya mempunyai Doktor-doktor Pelawat sahaja. Biasanya apabila timbul kejadian kecemasan, amat susah mendapatkan seorang doktor dengan segera, kerana doktor-doktor itu tinggal jauh dari rumah-rumah sakit itu.

Di samping itu, setengah-setengah rumah sakit yang tersebut dijaga oleh seorang Pembantu Rumah Sakit yang bekerja hanya hingga pukul 5.00 petang. Dan apabila mereka pulang ke rumah, orang-orang sakit yang ada di dalam wad masing-masing ditinggalkan tanpa dijaga oleh sesiapa.

Dalam hubungan ini, saya berpendapat, tiadalah wajar perkara yang semacam ini dibiarkan tanpa diberikan perhatian. Oleh itu, suka-lah saya meminta Yang Berhormat Menteri Kesihatan memberikan sedikit perhatian terhadap keadaan kesihatan dan tempat-tempat tinggal kaum pekerja estet.

Selain dari perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, air untuk diminum di setengah-setengah estet, didapati dalam keadaan yang amat mendukacitakan. Tuan Pengerusi, suka-lah saya mencadangkan supaya Kementerian akan dapat memastikan bahawa tiap-tiap estet mestilah membekalkan air untuk dipakai dan diminum mengikut darjah yang sesuai dengan keperluan manusia.

Di sini, suka juga saya menambah, bahawa perhatian hendaklah diberikan kepada sampah sarap yang bertaburan di merata-rata kawasan estet. Kerja-kerja mengutip sampah sarap, dengan mengadakan tong-tong untuk membuang sampah, dan dikutip dari tong-tong itu untuk dibuangkan ke tempat-tempat yang tertentu, hendaklah dijadikan sebagai satu peraturan di tiap-tiap estet di seluruh negara.

Selain dari itu, parit-parit yang sempurna untuk melepaskan air-air yang bertakung; tandas-tandas yang elok dan bilik-bilik mandi yang bersih dan teratur hendaklah juga dibina di estet-estet. Dengan adanya kemudahan-kemudahan itu, saya percaya, keadaan kesihatan pekerja-pekerja estet akan dapat dijamin dengan baiknya.

4.51 ptg.

Tuan Richard Dampeng anak Laki (Serian): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong perbelanjaan yang dikehendaki oleh Kementerian Kesihatan.

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap di bawah Kepala P. 32 Pecahan-kepala 31—Rancangan Memperbaiki Kesihatan Luar Bandar. Rancangan Memperbaiki Kesihatan Luar Bandar ini adalah sangat penting di dalam Negeri Sarawak oleh kerana rakyat Sarawak yang masih banyak mendiami kawasan luar bandar dalam kawasan saya di Serian ada seramai 70,000 orang. Mereka itu semua diam di luar bandar. Dalam kawasan Parlimen Serian tidak ada satu hospital untuk menjaga kesihatan rakyat sebanyak 70,000 orang itu. Walaupun ada sebuah kelinik, tetapi cuma mempunyai dua orang dresser sahaja. Sepatutnya, Tuan Pengerusi, sekurang-kurangnya ada dua orang doktor yang patut berkhidmat di sana untuk menjaga kesihatan rakyat seramai 70,000 nyawa itu.

Pada masa sekarang jika ada orang yang sakit kuat yang mana tidak dapat dirawat di kelinik Serian itu terpaksa dibawa ke Hospital Besar Kuching. Hospital besar lebih kurang 50 batu daripada Serian.

Tuan Pengerusi, di Semenanjung Malaysia ini kalau 50 batu tidak jauh, tetapi di Sarawak 50 batu adalah sangat jauh oleh kerana tidak ada teksi atau bas yang tertentu untuk berhubung dengan Serian dan Kuching. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan itu untuk melatih satu atau dua orang daripada tiap-tiap kampung, apabila mereka sudah dilatih, mereka patutlah dihantar balik untuk menjaga kesihatan orang-orang kampung di tempat masing-masing dan juga orang yang telah dilatih itu hendaklah diberi gaji yang cukup. Walaupun dahulu ada beberapa orang telah dilatih untuk menjaga kesihatan orang yang tinggal di kampung-kampung, akan tetapi apabila mereka dihantar balik ke kampung masing-masing mereka tidak diberi gaji dan tidak diberi ubat yang cukup. Oleh kerana itu pada masa sekarang tidak ada orang yang menjaga kesihatan orang-orang yang diam di luar bandar.

4.54 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang diminta oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Lebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan yang telah dapat mengadakan beberapa rancangan dan telah menjalankan

rancangan terutama sekali di kawasan luar bandar. Selain daripada itu, saya mengucapkan tahniah kepada pegawai dan kakitangannya yang telah memberikan khidmat yang cemerlang pada masa yang telah lalu dan diharap khidmat-khidmat itu dapat ditentukan dan diusahakan lebih giat lagi supaya ramai penduduk di luar bandar terutamanya mengenali apa itu kesihatan untuk kebaikan mereka dan penduduk luar bandar sekalian.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai P. 32, Pecahan-kepala 2 (1) Rancangan-rancangan Kesihatan Luar Bandar. Kawasan saya semuanya adalah terletak di luar bandar yang mempunyai 3 Pusat Kesihatan Kecil. Apa yang patut diperbaiki dan ingin saya tekankan lagi Pusat Kesihatan Kecil pada masa yang lalu, bahawa kalau ada kejadian-kejadian kes sakit yang mengejut telah dibawa ke Pusat Kesihatan dan Pusat Kesihatan tidak dapat menghantar pesakit ke hospital ataupun Rumah Sakit Daerah, kerana tidak ada disediakan kereta khas di Pusat Kesihatan itu untuk membawa pesakit-pesakit yang tertentu. Oleh itu, saya rasa patutlah pihak Kementerian ini menyediakan kereta untuk bergerak membawa pesakit-pesakit daripada luar bandar ke Hospital Daerah.

Selain daripada itu, penerangan-penerangan patutlah dibuat, kerana apa yang saya masih ingat, semasa banjir beberapa tahun yang lalu ada sebuah kereta penerangan ditempatkan di Perak dan datang ke Kampung Gajah dan memberikan penerangan, tetapi sehingga hari ini kereta itu sudah tidak bergerak lagi, barangkali oleh kerana inflasi atau stagflasi, atau minyak tak ada, tidaklah diketahui. Saya khuatir kereta itu kelak kalau hendak digunakan semasa banjir mungkin kereta itu tidak dapat bergerak, kerana kita telah memahami bahawa penerangan patut dibuat dengan lebih luas lagi, bukan setakat memberikan penerangan melalui Pusat-pusat Kesihatan Kecil sahaja, bahkan patutlah diadakan penerangan melalui akhbar, radio dan sebagainya. Dan selain daripada itu, kereta bergerak ataupun motorbot bergerak patut diadakan melalui rancangan kesihatan.

Pada masa yang lalu bahagian latihan ataupun penerangan yang diberikan dalam rancangan Perancang Keluarga hanya diberikan kepada pihak orang perempuan sahaja, tetapi pada orang lelaki tidak diberi

cuma diterangkan sahaja melalui radio, suratkhbar atau talivisyen. Jadi kebanyakan orang lelaki biasanya mereka segan hendak bertanya tentang penerangan yang diberikan oleh jururawat ataupun staff nurse. Ada di antaranya pergi bertanya kepada Pembantu Hospital, sedangkan Pembantu Hospital ini tidak tahu apa yang hendak diterangkannya. Sepatutnya Pembantu Hospital itu juga diberikan kursus yang khusus mengenai Perancang Keluarga membantu Kementerian Kesihatan ini.

Tuan Pengerusi: Banyakkah yang berkehendakkan Perancang Keluarga di Hilir Perak, Ahli Yang Berhormat?

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Begini, Tuan Pengerusi. Ada di antaranya orang lelaki itu segan hendak pergi bertanya kerana yang memberikan penerangan itu ialah orang perempuan. Sepatutnya kepada orang lelaki, biarlah orang lelaki yang menerangkannya.

Tuan Pengerusi, penerangan-penerangan yang patut dikuatkan di luar bandar, saya rasa patutlah digerakkan lagi kereta-kereta penerangan yang saya sebutkan tadi iaitu diluaskan pada tiap-tiap kampung yang jauh di pedalaman, sekurang-kurangnya rakyat di pedalaman dapat mengenali perubatan moden yang boleh menyembuhkan penyakit. Disamping itu sertakan pula beberapa pegawai yang khusus untuk memberikan khidmat nasihat tentang perlunya makanan berzat daripada bahan-bahan yang ada di sekeliling mereka, disamping perlunya kebersihan rumahtangga dan perlunya menyediakan amalan-amalan kesihatan yang baik dalam kehidupan seharian.

Selain daripada itu, ingin saya tekankan di sini ada sebilangan pegawai-pegawai di Pusat-pusat Kesihatan Kecil ataupun di rumah-rumah sakit yang begitu rasa kecil hati sedikit, kerana mereka pada mulanya telah ditentukan pada tarikh diadakan temuduga untuk kenaikan pangkat, tetapi malangnya bila tarikh yang ditentukan sampai telah ditempokkan pada satu masa yang tidak ditentukan. Rungutan ini sepatutnya telah pun diselesaikan oleh pihak Kementerian inikah ataupun pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, saya tidaklah tahu, tetapi pada pandangan saya tentulah pihak Kementerian Kesihatan ini mengarahkan penangguhan akan tarikh temuduga yang patut diadakan lebih awal lagi.

Saya ingin tekankan juga bahawa tiap-tiap Pusat Kesihatan Kecil sekurang-kurangnya ada doktor-doktor ataupun Pegawai Perubatan yang dapat ditugaskan pada sepanjang hari, tidaklah seperti yang berlaku pada masa sekarang setiap Pusat Kesihatan Kecil hanya cuma seminggu sahaja sekali pegawai ataupun doktor yang khas melawat ke Pusat-pusat Kesihatan dan pesakit-pesakit luar yang datang untuk berkehendakkan rawatan tidak kurang di antara 100 hingga 200 orang pada tiap-tiap hari. Kadang-kadang rawatan itu bagi pihak pesakit-pesakit tidak memuaskan. Katanya, "pegang sahaja sedikit suruh keluar ambil ubat, tidak diperiksa dengan sebaik-baiknya." Sekurang-kurangnya diharapkan pada doktor yang melawat ke Pusat-pusat Kesihatan itu biarlah kelebek sedikit, sekurang-kurangnya senang hati sipesakit itu, sekurang-kurangnya baiklah mereka sedikit dengan semangat yang diberikan oleh pegawai yang memeriksa kesihatan-nya.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.02 ptg.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan dan sedikit teguran berkaitan dengan Kementerian Kesihatan.

Tuan Pengerusi, pertama Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyebutkan ialah untuk memberi lebih lagi perkhidmatan perubatan kesihatan dan pergigian di seluruh negara kita, khasnya di kawasan-kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Kementerian Kesihatan adalah sedar berkaitan dengan kekurangan pegawai-pegawai perubatan, pakar-pakar dan juga kakitangan-kakitangan yang lain, oleh kerana dengan rancangan Kementerian Kesihatan untuk meluaskan perkhidmatan perubatan kesihatan dan pergigian ke kawasan luar bandar. Dalam tempoh tahun-tahun yang sudah berbagai-bagai rancangan yang baru seperti Pusat Kesihatan Besar, Pusat Kesihatan Kecil, Bidan Klinik dan juga Poliklinik telah didirikan di kawasan yang jauh daripada bandar. Begitu juga perkhidmatan perubatan di hospital-hospital telah bertambah dari semasa ke semasa seperti menambahkan bilangan katil-katil dan juga meluaskan lagi

Jabatan Perkhidmatan Pesakit Luar. Dengan kemajuan ini maka sudah tentulah kita mengalami kekurangan kakitangan. Tuan Pengerusi, khasnya doktor-doktor kita bukan senang untuk diberi latihan. Sebagai seorang doktor ini memakan masa sekurang-kurangnya 6 atau 7 tahun sungguhpun Universiti Malaya, Fakulti Perubatan ada mengeluarkan doktor-doktor yang tertentu pada masa sekarang serta juga Universiti Kebangsaan akan mengeluarkan doktor seperti yang disebutkan oleh saya sebentar tadi, the first batch of the young doctors will be graduated from the Universiti Kebangsaan pada tahun 1979.

Kementerian saya sentiasa mengadakan rancangan-rancangan mengikut Rancangan Malaysia Kedua ini dan kita sedang mengkaji Rancangan Malaysia Yang Ketiga. Kementerian saya telahpun ada satu yunit untuk mengkaji doktor-doktor, pakar-pakar dan juga para medical staff mulai pada masa sekarang sampai tahun 1990. Pada pengalaman kita oleh kerana latihan doktor-doktor dan para perubatan itu adalah lemah sedikit, akan tetapi Kementerian pada masa sekarang telahpun mengambil langkah supaya bilangan pengambilan peserta-peserta kita bertambah dengan dua atau tiga kali ganda. Kita berharap dengan mengadakan langkah yang telah diambil ini, maka kekurangan doktor-doktor atau kakitangan pada masa yang akan datang diharap boleh diatasi.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih atas pandangan Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak, akan tetapi pada masa sekarang kita tidak boleh mengadakan tiap-tiap orang doktor berkhidmat di Pusat Kesihatan Kecil oleh kerana kekurangan doktor. Kita memang mengadakan rancangan pada masa yang akan datang jika bilangan doktor kita mencukupi, maka Pusat Kesihatan Kecil itu boleh dinaikkan tarafnya menjadi Pusat Kesihatan Besar. Dalam Pusat Kesihatan Besar ini kita mengadakan seorang doktor perubatan dan juga mengadakan seorang doktor pergigian para medical staff yang lain untuk membantu doktor perubatan dan juga doktor pergigian untuk berkhidmat di kawasan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak itu juga telah bercakap mengenai tidak ada sebuah kereta khas di situ untuk mengambil pesakit-pesakit ke hospital. Di Pusat Kesihatan Besar kita memang ada ambulan, akan

tetapi di Pusat Kesihatan Kecil memang kita belum ada ambulan di situ, kita mengadakan Land Rover sahaja untuk mengambil penuntut-penuntut kita daripada sekolah-sekolah untuk dirawati di Pusat Kesihatan yang dikuasai oleh doktor. Lawatan dan juga seorang Pembantu Hospital ada berkhidmat di Pusat Kesihatan Kecil itu.

Berkaitan dengan gaji dan sebagainya, memang Kementerian sedar tetapi Kementerian ini tidak boleh mengadakan rancangan gaji dengan sebuah Kementerian sahaja, ini adalah berkait dengan Kementerian-kementerian yang lain. Jadi, di sini saya harap seperti kawasan Hilir Perak ini pada masa akan datang barangkali kita akan mengkaji Pusat Kesihatan Kecil ini boleh dinaikkan tarafnya menjadi Pusat Kesihatan Besar. Ini memang menjadi dasar Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Serian telah menyentuh berkenaan dengan kekurangan doktor. Masalah ini bukan timbul sebuah kawasan sahaja tetapi masalah ini timbul di beberapa kawasan lain juga. Apa yang saya suka menasihatkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan Negeri Sarawak boleh mengambil doktor-doktor dari negeri luar. Sungguhpun demikian, Kementerian saya telah membantu Negeri Sarawak untuk mengambil doktor daripada Malaysia Barat dan Malaysia Timur, jadi perkara ini Kementerian ini sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa mengenai kedudukan doktor-doktor atau kakitangan yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput mengatakan perkhidmatan kepada pekerja-pekerja di ladang-ladang. Ladang-ladang ini memang ada pusat kesihatan yang didirikan oleh ladang-ladang yang berkenaan. Perkhidmatan ini sebenarnya adalah di bawah kawalan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Saya sendiri sudah melawat juga estet-estet untuk melihat keadaan atau standard perkhidmatan di hospital atau di klinik di ladang-ladang. Saya juga berasa tidak berapa puas hati seperti Ahli Yang Berhormat itu, akan tetapi Kementerian saya sedang mengkaji bagaimanakah Kementerian ini akan dapat menolong peladang-peladang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu juga menimbulkan tentang kekurangan doktor dan jururawat. Kekurangan doktor

ini sebenarnya bukan dialami oleh negara kita sahaja, tetapi negeri-negeri seperti di Eropah dan United Kingdom. Doktor-doktor yang berkhidmat di United Kingdom ini sebanyak 30% daripada mereka adalah dari negeri-negeri asing, bukan daripada United Kingdom sendiri. Jadi di sini saya tidak payahlah bercakap lebih lagi, akan tetapi kita membenarkan berbagai-bagai rancangan untuk memberi latihan, dan apa yang disebutkan oleh saya pada tahun akan datang kita akan membelanjakan lebih \$10 juta untuk memberi latihan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan dengan bilangannya seramai 2,600 orang. Jadi, saya harap dengan latihan ini, maka kekurangan itu boleh dapat diatasi pada masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Saratok juga telah mengatakan bahawa di kawasan-kawasan yang diperintah oleh Parti Pembangkang, rancangan-rancangan hospital dan sebagainya akan dibatalkan. Tuan Pengerusi, ini tidak benar. Kementerian kita, khasnya Kerajaan Barisan Nasional, kita akan memberikan perkhidmatan perubatan yang baik kepada semua orang, khasnya kepada pengundi-pengundi di kawasan Pembangkang. Pengundi pengundi di kawasan Pembangkang jika badan mereka itu sihat dan otaknya pandai berfikir, maka mereka itu barangkali tidak mahu mengundi Parti Pembangkang sekali lagi pada masa akan datang. Kita akan teruskan memberi ubat-ubat yang baik kepada kawasan yang diperintahkan oleh Parti Pembangkang sekarang, tetapi saya takut pada masa itu Ahli Yang Berhormat itu akan hilang kerusi. Tuan Pengerusi, sebenarnya Kementerian saya telah menyediakan wang untuk membeli tanah. Sebelum kita mendirikan sesebuah hospital kita mesti selesaikan dahulu tapak tanah itu. Jika tapak tanah tidak ada, macam mana kita hendak mendirikan sebuah hospital? Jadi ini kita harap hendak selesaikan tanah dahulu. Apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bolehlah dilaksanakan

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Pengerusi, di Saratok tanah sudah dibeli, jikalau saya tidak salah, tanah sudah ada.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, kita mesti selesaikan tanah dahulu. Bila sudah selesai, bolehlah kita bincangkan pembangunan di situ. Jikalau tanah sudah selesai, saya ucapkan terima kasih. Tetapi setahu saya

tanah itu belum selesai lagi, kita akan membuat kajian lagi. Jadi, bukanlah sebab kawasan itu diperintahkan oleh Parti Pembangunan maka Kerajaan kita membatalkan rancangan itu, itu tidak benar.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, yang sebenarnya, Sarawak is one of the States which are very well served as far as School Dental Clinics are concerned. There are about 68 School Dental Clinics in the State itself. In addition to that, we have the Mobile Dental Clinics to serve the rural areas. We are also providing the Dental Flying Squads and this will soon be introduced in the rural areas as well. I think Sarawak is one of the States which really enjoy these facilities, such as Flying Doctor Service and Dental Flying Squads. I myself have visited this State, and I have been to all the Divisions and have spent a number of days there. I have gone in helicopters to these rural areas and I have seen for myself the problems. The Flying Doctor Service and the Dental Flying Squad have been established as a result of my visit to Sarawak State. I felt that it is our duty to give immediate medical services to the people there and that the only way in which this could be done is by providing the Flying Doctor Service and Dental Flying Squads to serve the people in longhouses because you have to travel for days and by boat to reach some of these long houses. If you travel by boat, it will take you three or four days, and if you walk through the jungle it may take you ten days to reach the destination. But in view of the services which we are now providing, I think that Sarawak is now enjoying better medical facilities than even some of the States in West Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat menyentuh berkaitan dengan perkhidmatan perubatan di kawasan itu tidak memuaskan atau tidak mencukupi. Yang sebenarnya, di kawasan Tumpat itu ada sebuah pusat kesihatan kecil dan pada tahun ini, kalau tidak salah saya, pusat kesihatan kecil itu akan dinaikkan tarafnya menjadi pusat kesihatan besar. Memang kita mengadakan rancangan untuk penyelidikan, iaitu tiap-tiap satu daerah mengadakan Hospital Daerah pada masa akan datang, akan tetapi ini terpaksa kita mengambil masa.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyebutkan berkenaan dengan out-patient department di Hospital Kota Bharu cukup sempit. Ini saya

akui. Saya sendiri melawat ke situ dan kita sekarang membuat satu rancangan untuk meluaskan out-patient department di Hospital Kota Bharu. Saya harap dengan langkah ini maka kesulitan yang timbul di out-patient department di Kota Bharu itu boleh diatasi. Begitu juga sebuah hospital baharu atau hospital besar sudahpun didirikan di kawasan Kubang-Krian; sebuah hospital baharu yang moden, lebih moden daripada hospital di Seremban. Yang sebenarnya, Kementerian Kesihatan telah memberi keutamaan, apa-apa kelengkapan, apa-apa kemudahan yang moden itu kita sampaikan ke Kelantan, ke Trengganu dan juga ke Negeri Pahang. Dengan ini saya percaya perkhidmatan di Pantai Timur itu akan bertambah baik, oleh kerana di Pantai Timur itu terdapat satu keadaan yang tidak berapa elok. Kadar kematian anak-anak sangat tinggi lagi. Ada kawasan kadar kematian kanak-kanak itu sampai 44:1000. Ini juga terdapat di Perak, iaitu di kawasan yang terpencil. Dengan lawatan saya itu saya telah mengarahkan kepada pegawai kanan Kementerian saya untuk memberi apa-apa keutamaan yang boleh kepada kawasan-kawasan yang kurang bernasib baik. Kementerian ini memang mengadakan dasar yang adil—luar bandar dengan bandar akan bersama-sama pada satu masa yang akan datang berkaitan dengan perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun mengatakan mereka yang accident yang patah tulang dan sebagainya, Perkhidmatan di Hospital Dungun itu tidak memuaskan dan juga menyentuh berkenaan dengan perkhidmatan bomoh. Saya tidak tahulah.

Tuan Pengerusi: Momok atau bomoh Yang Berhormat? (*Ketawa*)

Tan Sri Lee Siok Yew: Bomoh. Dengan ini saya tidak tahulah, barangkali

Tuan Pengerusi: Kedua-dua itu tidak boleh berjumpa—momok dengan bomoh tidak boleh berjumpa, tidak boleh bertemu. (*Ketawa*)

Tan Sri Lee Siok Yew: Barangkali dia boleh berjumpa dalam gelap. (*Ketawa*) Tuan Pengerusi, soal ini saya tidak boleh nyatakan samada benar atau tidak benar, tetapi sebagai seorang Menteri yang bertanggungjawab, saya cuma percaya kepada perubatan moden—scientific method.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong menyebutkan pandangan dari Kementerian ini berkaitan dengan compulsory service for young doctors. The period should be extended from two years to five years. Apa yang saya sebutkan ialah untuk menarik perhatian Dewan ini, oleh kerana fikiran bebas atau fikiran daripada orang ramai semuanya sama sahaja; mengharapkan perkhidmatan kesihatan dan perubatan ini ditanggungjawabkan oleh Kerajaan. Barangkali masanya sudah tiba. Saya selalu menasihatkan kepada orang ramai seperti Ahli Yang Berhormat sendiri mengadakan sebuah hospital private. Ini satu langkah yang diambil oleh kerana perbelanjaan bagi hospital-hospital di negeri kita ini ialah melibatkan wang ringgit yang paling banyak. Oleh itu, saya harap pada masa akan datang lebih banyak hospital private akan ditubuhkan di negeri ini. Hospital private dengan hospital Kerajaan akan bekerjasama untuk berkhidmat kepada pesakit-pesakit kita. Cuma yang berlainan sedikit sahaja ialah jika hospital private itu membayar wang lebih sedikit, akan tetapi di hospital Kerajaan, khasnya kepada orang-orang yang tidak mampu itu kita berikan perubatan kesihatan dengan percuma. Ini adalah berlainan sedikit sahaja.

Beliau mencadangkan juga iaitu Medical Faculty, University Malaya boleh mengambil penuntutnya sekurang-kurangnya 160 orang. Perkara ini saya akan siasat jikalau perlu atau boleh mengambil penuntut (medical students) itu daripada 128 orang hingga 160 orang. Jikalau fakulti itu boleh mengambil saya akan menasihatkan kepada Universiti Malaya untuk menambahkan pengambilan penuntut di fakulti perubatan itu daripada 128 orang kepada 160 orang.

Beliau juga mengatakan ada seorang pegawai di bawah Kementerian saya ini indulging in business. Mr Chairman, Sir, this is quite a serious allegation. I hope if Ahli Yang Berhormat himself is aware of any officers of my Ministry involved in business, then it is his duty to report to the Anti-Corruption Agency or perhaps report to the Public Services Commission. I think that he himself, being a doctor of medicine, perhaps can do something. I myself will not be happy anyway if any one of my officers in the Ministry is involved in business.

Saya harap Ahli Yang Berhormat itu bolehlah jika perlu menyampaikan kepada proper authority.

Berkenaan dengan Hospital Kuala Lumpur, ini sememangnya sebuah hospital yang sekarang mengadakan bilangan katil lebih kurang 2,000. Ini akan ditambahkan lagi oleh kerana di dalam kompleks hospital itu memanglah kita menambahkan sebuah blok lagi dan jumlah katil di hospital itu ditambah sampai 2,500. Saya memang mengakui hospital itu too big, but we have to follow the plan. The plan has been decided, and my Ministry is going to implement the plan fully.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri ada satu dua minit sahaja lagi untuk memberikan jawapan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang menyatakan bahawa Hospital Tanjong Karang mempunyai bilangan katil yang sangat kecil. Saya sudah menjawab kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa keadaan ini akan dikaji oleh Kementerian saya dan jika perlu hospital itu akan ditambah untuk dibuat block lagi pada masa hadapan.

Ahli Yang Berhormat dari Kimanis, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada beliau yang telah memuji Kementerian ini kerana Perkhidmatan Kesihatan yang baik, dan saya berharap kepada Ahli Yang Berhormat tersebut supaya pada masa akan datang jika pujian ini benar-benar baik, saya harap jangan pula membuat tuduhan sahaja tetapi hendaklah dipuji sedikit. Dengan demikian, barulah semua pihak di hospital-hospital itu akan senang hati dan seronok sedikit, baik doktor atau kakitangan-kakitangan lainnya kerana mereka itu biasanya bekerja siang dan malam. Dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu yang telah menimbulkan masalah berkenaan kekurangan perkhidmatan perubatan seperti yang disebutkan itu memanglah benar dan dengan kerana itu kita mengadakan rancangan-rancangan yang lain untuk menambatkan perkhidmatan dengan lebih baik lagi.

Tuan Pengerusi: Sudah habiskah Yang Berhormat Menteri?

Tan Sri Lee Siok Yew: Lima minit lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Masa sudah ditetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, begitulah jawapan saya dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah membangkitkan soalan-soalan itu, dan jikalau saya tidak dapat menjawab apa-apa soalan yang dibangkitkan itu, maka pihak Kementerian saya akan mengambil perhatian.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$334,000,000 untuk Kepala B. 32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$71,011,250 untuk Kepala P. 32 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1975.

Tuan Pengerusi: Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Kementeriannya, saya suka mengingatkan sekali lagi kepada apa yang telah diucapkan oleh Tuan Yang di-Pertua pada mula Majlis ini tadi iaitu cuba seberapa yang boleh diringkaskan pada isi ucapan dan tidak banyak bercakap berbunga dan janganlah panjang mukadimahnyanya (preamble), teruskan kepada perbincangan.

Sekarang saya jemput Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengemukakan Kepala B. 33 hingga B. 39, dan Kepala Pembangunan P. 33 hingga P. 35, P. 38 dan P. 39 di bawah Kementeriannya dibentangkan sekarang. Waktu perbincangan dibenarkan sehingga pukul 7.30 malam.

Kepala B. 33, B. 34, B. 35, B. 36, B. 37, B. 38 dan B. 39 (Jadual)—

Kepala P. 33, P. 34, P. 35, P. 38 dan P. 39 (Anggaran Pembangunan, 1975)—

5.35 pgt.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini untuk tahun 1975 di bawah Kepala B. 33, B. 34, B. 35, B. 36, B. 37, B. 38 dan B. 39 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual, dan anggaran di bawah Kepala-

kepala yang disebutkan tadi ialah seperti berikut:

B. 33	\$ 18,803,560	...	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
B. 34	\$293,697,800	...	Polis Di Raja Malaysia
B. 35	\$ 9,565,800	...	Jabatan Imigresen
B. 36	\$ 571,720	...	Pendaftar Pertubuhan
B. 37	\$ 8,533,700	...	Jabatan Pendaftaran Negara
B. 38	\$ 22,189,050	...	Penjara
B. 39	\$ 5,084,800	...	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli

Jumlah Anggaran Belanja Mengurus bagi Kementerian ini ialah sebanyak \$358,445,630 bagi tahun 1975 dibandingkan dengan \$317,792,213 bagi tahun 1974 iaitu berlebihan sebanyak \$40,653,417. Jumlah peruntukan yang diminta bagi Kementerian ini termasuk jabatan-jabatan di dalamnya bagi tahun 1975 seperti yang saya sebutkan di atas bertambahnya sebanyak 12.4% jika dibandingkan bagi tahun 1974. Penambahan ini adalah sangat-sangat diperlukan disebabkan pembayaran Elaun Bantuan Khas, kenaikan gaji kakitangan, kenaikan harga bahan-bahan dan bekalan, membesarkan lagi Pasukan-pasukan Ikatan Relawan Rakyat termasuk pembelian 2,000 pucuk senapang, penyusunan semula Lembaga Penapisan Filem, pembelian alat-alat kelengkapan yang sangat-sangat diperlukan dalam operasi bagi Pasukan Polis Hutan. Begitu juga bebanan kerja dari setahun ke setahun makin bertambah dan meluas untuk menjaga keselamatan dalam negeri dan kawasan perairan Malaysia. Dalam hubungan ini penambahan kakitangan juga adalah diperlukan dalam semua jabatan di bawah Kementerian ini. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan memberi sokongan yang penuh di atas peruntukkan yang dipohonkan ini.

Tuan Pengerusi, saya juga mengusulkan supaya Anggaran Belanja Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi tahun 1975 di bawah Kepala-kepala yang diuraikan dalam buku yang tersebut diluluskan dan menjadi sebahagian daripada jadual. Anggaran-anggaran di bawah Kepala-kepala tersebut tadi adalah seperti berikut:

P. 33	\$13,439,000	...	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
P. 34	\$75,537,081	...	Polis di Raja Malaysia
P. 35	\$ 1,030,020	...	Jabatan Imigresen
P. 38	\$ 2,727,540	...	Penjara
P. 39	\$ 1,403,486	...	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli

Jumlah Anggaran Belanja Pembangunan bagi seluruh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ialah sebanyak \$80,711,566 bagi tahun 1975. Di bandingkan dengan sebanyak \$75,935,970 bagi tahun 1974 iaitu berlebihan sebanyak \$4,775,596 atau 6.28%.

Tuan Pengerusi, saya ringkaskan sahaja ucapan membentangkan usul ini supaya memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat memberikan pandangan dan fikiran yang membina dan bagaimanapun Kepala P. 34 untuk Polis Di Raja Malaysia yang besar sekali untuk pembangunan ini ialah berjumlah \$75,537,081 adalah dipohonkan untuk bangunan bagi Semenanjung Malaysia \$43,772,296; bagi Sarawak \$11,697,606; dan untuk Sabah \$10,218,380; Lanci dan Bot \$4,500,000; Perhubungan Radio Polis \$1,286,000; membeli senjata api dan Peluru \$1,732,000 Kenderaan \$2,200,000 dan Pasukan Polis Beranjing \$130,799. Jumlah peruntukan yang dipohonkan itu merupakan kelebihan sebanyak \$5,651,943 atau 8.15% daripada peruntukan yang diluluskan bagi tahun 1974.

Kepala P. 35—Jabatan Imigresyen adalah dipohonkan tambahan sebanyak \$1,030,020 iaitu merupakan kelebihan sebanyak 16.16%.

Kepala P. 38—Jabatan Penjara sebanyak \$2,727,540 dipohonkan untuk tahun 1975 iaitu dibandingkan sebanyak \$3,656,540 bagi tahun 1974 iaitu kurang sebanyak \$929,000 atau 25.41%.

Tuan Pengerusi, Jabatan Orang-orang Asli pada tahun 1975, sebanyak \$1,403,486 telah dipohonkan dibandingkan dengan \$1,540,589 yang diluluskan untuk tahun 1974. Ini merupakan peruntukan yang dipohonkan adalah kurang daripada tahun 1974 yang lalu sebanyak 60.7%.

Tuan Pengerusi, demikianlah Anggaran Perbelanjaan mengurus dan juga Pembangunan yang dilaporkan dengan jelas dan secara perincian dalam Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1975 seperti Kertas Perbendaharaan yang telah dibentangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Pengerusi, saya membentangkan usul ini untuk diluluskan.

5.42 ptg.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukor (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya adalah menyokong penuh peruntukan

kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, dan saya mohon hendak menyentuh satu dua perkara.

Perkara yang pertama ialah di bawah Kepala B. 37—Jabatan Pendaftaran Negara. Perkara yang saya hendak sentuh ialah bersabit dengan Kad-kad Pengenalan.

Tuan Pengerusi, adalah menjadi kesusahan kepada orang ramai untuk mendapatkan Kad-kad Pengenalan kanak-kanak yang tidak bersekolah, ataupun yang telah berhenti sekolah yang telah berumur lebih daripada 13 tahun. Seorang waris kepada kanak-kanak tersebut bila memohon Kad Pengenalan, walaupun ia telah ada Surat Kelahiran kanak-kanak tersebut, tetapi ia dikehendaki memenuhi dua jenis borang yang lain. Borang yang pertama hendaklah disahkan oleh seorang yang ternama dan dipercayai untuk mengesahkan bahawa kanak-kanak itu anak kepada si polan ibunya; nama si polan, lahir di tempat sekian, tarikh sekian, repot di Balai Polis sekian dan sebagainya. Borang yang satu lagi hendaklah juga dipenuhi, di antaranya ada dua column. Column yang pertama dikehendaki disahkan oleh dua orang yang ternama juga, dan column yang kedua hendaklah dipenuhi dengan nama dan Kad Pengenalan seorang daripada saudara yang tertua kepada kanak-kanak tersebut. Yang menjadi kesusahan kepada orang ramai dalam perkara ini ialah borang yang pertama, yang mana hendak disahkan oleh seorang yang ternama. Mengapakah surat kelahiran kanak-kanak itu mesti disahkan oleh seorang yang ternama sedangkan dalam surat kelahiran itu sendiri telah ada nama ibu bapa dan Kad Pengenalan ibu bapa kanak-kanak itu sendiri? Kalau dibimbangkan hendak digunakan oleh orang-orang yang tidak berkenaan atau orang-orang yang lain, saya rasa perkara ini boleh diatasi dengan lain-lain cara, iaitu dengan cara tidak payah menyusahkan orang ramai seperti memberi tanda di atas surat kelahiran kanak-kanak itu supaya tidak dapat digunakan oleh orang lain.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang menjadi kesusahan orang ramai ialah bersabit dengan column yang di kehendaki supaya diisi dengan nama dan Kad Pengenalan saudara yang tertua kepada kanak-kanak tersebut. Umpamanya, Kad Pengenalan itu diminta di Alor Star, sedangkan saudara tuanya berada di Melaka, maka tentulah menjadi satu

kepayahan kepada mereka yang berkenaan untuk mendapatkan Kad Pengenalan kanak-kanak yang tersebut.

Memandangkan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan memberikan perhatian dalam masa-masa ini. Dan diharap mengkaji semula tentang borang-borang yang saya sebutkan tadi supaya dapatlah kiranya dielakkan daripada orang ramai menerima kesusahan dalam perkara borang-borang tersebut.

Terlanjur saya menyebutkan dengan surat salinan kelahiran dan surat salinan kematian, kalau tidak salah saya, pada masa yang sudah kalau seorang itu memohon surat salinan kelahiran atau surat salinan kematian dalam satu borang yang tertentu, borang permohonan itu akan dibinasakan oleh Jabatan yang berkenaan sesudah sampai masa dan tempoh yang tertentu, menyebabkan tidak ada satu rekod yang menunjukkan siapakah yang memohon salinan surat kelahiran, ataupun salinan surat kematian itu, kerana segala rekod-rekod yang bersangkutan dengannya telahpun dibinasakan. Oleh kerana kita bimbang masalah salinan surat kelahiran dan salinan surat kematian ini mungkin disalahgunakan oleh satu pihak yang tertentu, jadi saya rasa patutlah Kementerian yang berkenaan membuat satu peraturan tertentu supaya di atas surat-surat salinan kematian atau salinan kelahiran itu ditandakan di atasnya yang mengatakan bahawa surat salinan ini adalah dipohon oleh si polan bin si polan, Kad Pengenalan nombor sekian.

Satu perkara lagi yang hendak saya sentuh, Tuan Pengerusi, ialah di bawah Tajuk P. 34 peruntukan Pembangunan kepada Polis Di Raja Malaysia. Saya mengucapkan tahniah kerana telah diperuntukkan kepada pembangunan Polis Di Raja Malaysia sebanyak \$75.5 juta. Dengan adanya peruntukan ini tentulah banyak bangunan-bangunan Polis dan rumah-rumah anggota Polis akan didirikan dalam tahun 1975 ini kelak. Dan saya inginlah menarik perhatian Kementerian yang berkenaan kepada bangunan Polis dan juga rumah-rumah anggota Polis di Ibu Pejabat Polis Daerah, Kuala Nerang, yang mana pada masa ini keadaannya sangatlah menyedihkan, terutama sekali rumah bagi anggota-anggota Polis di situ. Tuan Pengerusi, rumah

anggota-anggota Polis di situ terpaksa menggunakan bangunan sementara yang dibuat dalam masa dharurat tahun 1948 dahulu, maklumkan keadaan bangunan sementara yang telah berumur lebih daripada 25 tahun dan keadaannya sungguh menyedihkan sekali. Saya berharap benar-benar kepada Kementerian berkenaan dapatlah kiranya dibangunkan dengan seberapa segera yang boleh bangunan Polis dan rumah-rumah anggotanya di Ibu Pejabat Polis Daerah, Kuala Nerang itu.

Bersabit dengan P. 38 Pembangunan bagi kakitangan Penjara, tahun ini mendapat peruntukan \$2.7 juta. Seperti juga keadaan rumah anggota-anggota Polis, maka rumah anggota dan kakitangan Penjara juga sangat menyedihkan. Umpamanya, rumah kakitangan Pegawai-pegawai rendah Penjara di Penjara Pudu, Kuala Lumpur ini sendiri yang satu keluarga mendapat satu bilik yang sangat kecil dan tidak menasabah diduduki oleh satu keluarga. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan memberikan perhatian yang sewajarnya kepada bangunan-bangunan dan rumah-rumah anggota-anggota Penjara Pudu itu.

5.59 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris untuk perbahasan usul ini. Yang pertama, saya hendak menyebutkan mengenai peruntukan yang dipohonkan untuk menguatkuasakan Undang-undang dan Perintah di muka surat 268 Pecahan-kepala (Kod 1100—Aktiviti (3)).

(Dengan izin) Tuan Pengerusi, on, enforcement of law and order, Malaysia, as has been announced many a time, is guided by the fundamental principles as enshrined in the Rukunegara, one of which is the rule of law, and arising from the rule of law is the enforcement of law and order. But it is essential and vital that if the people, if the citizenry, are to respect and to uphold the rule of law as well, then the enforcement authorities should not employ any double standard in the implementation or the application of the law of the land. Unfortunately, in this country, there have been double standards being applied by the Police authorities with regard to the implementation of the laws of the land. One good instance was a question that was asked in

this House by my colleague, the Member for Petaling, in connection with a Police report which he lodged in August with regard to printing a publication which offended the Printing Presses Ordinance but on which no action was taken, and we were told in this House by the Honourable Deputy Minister that this was because it was a small matter—that the name of the publisher was not printed. Although it was a small matter, it did not prevent the Police from taking action when a case concerned the D.A.P., for instance. Recently, there was a D.A.P. publication and we did publish the name of the publisher but the trouble was it was a Chinese publication which was published and printed in Chinese and not in Bahasa Malaysia, as required by law—I wish to admit it—but then there was a prosecution and we went to court. Why is this double standard? That is the point. I am not going into the merits or demerits of any court cases here but I am referring only to application. A double standard is being applied where cases referring to the Barisan Nasional are concerned as it was the case with regard to the report lodged by my colleague, the Member for Petaling and where they concern the D.A.P.

Again, during the General Elections, I remember that the Chairman of the Election Commission, during a tour of Sarawak during the elections, announced that he made complaints with regard to election infringements—infringement of election law clearly by the ruling party—to the Police and he said that it was most regrettable that no action was taken and that he did not have the power to enforce election law as that was completely out of his hands. So, I would urge that in this land of ours, which follows and upholds the rule of law, the law should be applied equally and fairly and that there shall be no double standards in application—one for the ruling party, one for the Opposition or for those whom they do not like.

In regard to the application of the law, I would also urge the authorities that they should be informed by the social and economic problems of the people and should not give substance to the statement that the law is an “ass”. For instance, I was just in Malacca. Recently there was a sadistic campaign by the authorities against trishaw riders because of an outmoded law whereby if the trishaw rider takes more than two

persons, it is an offence. So, even if they take two persons and a baby, it is an offence and they will face the prosecution. It was not done before, but for some reason someone was antagonised, was angry, and there was a prosecution. This is a stagflation period, and the trishaw riders belong to the traditional urban poor and they should be people for whom the Government should find ways of relieving their poverty and hardships but here we have cases of a sadistic campaign to persecute and to add further hardships on them. This is what I mean: in the application of law, the authorities concerned should also be informed by social and economic awareness of the problems around us.

Similarly, in this connection, with the recent demonstrations that happened in Kuala Lumpur concerning the students. I believe that if the whole demonstration at the Selangor Padang had been properly handled, it would not have led to the serious of chain reactions whereby there were so many subsequent developments. Was not it possible for the Police to persuade the students to disperse peacefully?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya rasa perkara ini belum diputuskan lagi perbicaraannya dalam Mahkamah, elok tidak payah sebut mengenai perkara itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya tidak akan sebut mengenai tuduhan-tuduhan atau syak-wangka yang ada di hadapan mahkamah-mahkamah, tetapi pada umumnya oleh kerana kita, hari-hari ada mendengar ucapan-ucapan Menteri-menteri melalui Radio dan Talivisyen mengenai hal yang amnya mengenai soal-soal yang berbangkit daripada demonstrasi, saya tidak akan

Tuan Pengerusi: Radio dan Talivisyen itu lain hal, ini Dewan Rakyat, ada peraturannya. Sila sambung.

Tuan Lim Kit Siang: I shall not go into any of the

Tuan Pengerusi: Tidak boleh sentuh. perkara detail bersabit dengan demonstrasi.

Tuan Lim Kit Siang: I shall not go into any of the details, because it is *sub judice*, but I think it is useful for us to learn from the

lessons of the past because if we cannot learn from the lessons and the mistakes of the past, then we are condemned and we will continue to make further mistakes. This is a big problem and I believe that we must also recognise that the problems that motivated the students to manifest their feelings, were basically reasons of idealism which we should admire, of which we should have a rapport, and I am sure that if the whole thing had been handled properly—if, after giving them an opportunity to express their concern about basic problems, and an assurance was given on that very day that an enquiry, for instance, would be made into the various issues concerned—I am sure the matter would have come to an end there depending, of course, on subsequent developments. But it will appear that it was not so, that there were mishandlings, that there were very indiscriminate firings of teargas and I believe in this case thousands of . . .

Tuan Pengerusi: Saya kata tidak payah sebut apa perkara yang berlaku pada hari itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya rasa tidak akan bercanggah dengan apa-apa peraturan, apa yang saya akan sebutkan mengenai pengajaran yang kita mesti ambil daripada

Tuan Pengerusi: Tidak boleh sebutkan fire teargas itu, perkara itu akan keluar dalam mahkamah, tidak boleh dibincangkan di sini, case itu akan menjadi prejudicial atau akan merusakkan kepentingan pihak yang berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang: Subsequent to the series of developments arising from, I submit the mishandling by the Police authorities, there have been arrests under the Internal Security Act, there have been takeovers by the Police of the various campuses, which have further brought about a confrontation between the students and the Government.

I submit that what the Government should do now is to take a more statesmanlike approach towards this problem and, instead of embarking on a campaign of persecution of arrests, they should call together all the leaders of the various student organisation involved and have a heart-to-heart talk, to understand, to find out where legitimate—and undoubtedly there are many areas of

legitimacy—to bring about and to heal instead of to widen the wounds that have now arisen.

I would, therefore, call on the authorities to do away with all the arrests, to release all those who have been detained under the Internal Security Act, to release all the lecturers and students, to stop all the Police action because, basically, a Police solution to the problems arising from student demonstrations cannot be a long term solution. In this connection, I wish to state my concern on what appears to be an attempt by some quarters to racialise what has happened arising from the student demonstrations.

For instance, there were talks on some quarters that it is a threat to Malay unity. I submit and I would think the Minister concerned should be concerned about this statement, because I think there should be no attempt by any quarter to try to racialise what basically is not a racial problem but basically is a socio-economic problem. If attempts can be allowed with impunity to racialise it—that there is some racial background to it or some racial attempt—then I think the whole situation can only become even more aggravated. Yesterday we saw in the Press photographs of Police captures of documents of materials of the Chinese Language Society of the University of Malaya pointing, according to the authorities, to some implication with the communist associations. I see from those photographs, publications, souvenirs and other mementoes that they arise from a cultural show that was to be organised by the society, the malam Kebudayaan Chun Loy or the Spring Thunder Cultural Show. As far as I was aware, that was supposed to be organised at the beginning of this year and those publications were made at the beginning of this year. There should be no attempt whatsoever to try to link what has happened at the beginning of this year with what has happened now. But I think there should be no attempt to try to refer this or try to insurrect or resurrect a red herring. I think we must deal realistically with the problems that we have and not try to racialise or try to find a scape-goat to the problems which we face in our society.

Tuan Pengerusi: Tempoh Yang Berhormat sudah cukup, lebih 10 minit.

6.03 ptg.

Tuan Haji Zakaria bin Ismail (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Anggaran Perbelanjaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang dibentangkan sekarang ini. Apa yang saya hendak sentuh di sini ialah di bawah Kepala B. 33—Pecahan-kepala 1100, di bawah aktiviti (2) Keselamatan Sempadan, muka surat 263.

Tuan Pengerusi, oleh kerana kawasan saya ialah Rantau Panjang, adalah satu-satunya kawasan sempadan Malaysia/Thai, maka perkara yang selalu berlaku ialah kecurian kereta, lembu-kerbau, penyeludupan senjata-senjata merbahaya dan lain-lain lagi yang mana selalunya manakala berlaku kecurian kereta dan sebagainya dibawa ke Thailand samada dengan menggunakan perahu-perahu besar atau lain-lainnya, kadang-kadang dibawa dengan melalui jambatan baru Rantau Panjang/Sungai Golok dengan menyamarkan dirinya sebagai tuan punya kereta itu sendiri, manakala kereta-kereta yang dicuri dan sebagainya dibawa ke sana, maka sukarlah untuk mengambil balik, walaupun kereta-kereta itu dapat dikesan oleh tuan punyaanya. Begitulah juga dengan perkara-perkara yang lain seperti lembu-kerbau dan sebagainya. Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya menyeru di Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan kita melipatgandakan lagi usaha untuk menjaganya dan dibanyakkan rondaan-rondaan jalanraya Malaysia/Thai terutama di waktu malam. Yang kedua, dengan mengadakan rundingan dengan Kerajaan Thailand untuk mencari penyelesaian dengan seberapa segera, dan yang ketiga dengan ditambahkan lagi yunit-yunit relawan di sempadan. Pada hemat saya pada masa ini Angkatan Relawaan dapat memainkan peranan yang penting untuk menjaga keselamatan, terutamanya relawan-relawan di sempadan ini, yang mana baru-baru ini telah berjaya membunuh penjahat-penjahat yang cuba hendak mengganggu ketenteraman di sempadan. Dan juga saya mencadangkan supaya relawan-relawan ini diberi kursus ataupun latihan asas supaya mereka tidak melanggar disiplin ataupun sebarang undang-undang.

Tuan Pengerusi, sekiranya hal ini dibiarkan berterusan, kemungkinan perkara yang tidak diinginkan akan berlaku di antara tuan-tuan punya kereta yang dicuri dengan pihak yang terlibat, malah di antara sesama

pegawai-pegawai di kedua-dua buah negeri itu sendiri. Oleh kerana perkara ini sekian lama telah berlaku dan jika tidak silap ingatan saya di Dewan ini pun telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli pada suatu masa dahulu, tetapi malangnya kejadian ini masih berlaku sehingga sekarang.

6.06 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun bercakap atas B. 34 dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Pengerusi, by invoking the I.S.A., (the Internal Security Act), the Government and the Police have declared open warfare on the students, in particular the duly elected student leaders, some of the staff and virtually on our universities as well. By this massive show of force, the Government and the Police hope to bludgeon the students into submission. This is most regrettable as, instead of calling the student leaders to a round-table conference, the Government has chosen to arrest the student leaders and lecturers as well under the I.S.A.

Thus it was that the F.R.U., the P.F.F. (the Police Field Force) and the Special Branch, at 2 a.m. on the morning of Sunday 8th December, 1974 moved into the Campuses of the University of Malaya and the Universiti Kebangsaan and other institutions of higher learning as well to rope in the student leaders and lecturers under the I.S.A. Mr Chairman, Sir, I have here with me a list of the people wanted under what is known as O.P.S. Mayang—Target: Arrest List.

This list makes very interesting reading as it includes the leadership of the students and some of the lecturers of the higher institutions of learning that I have alluded to. The targets of the Police on that morning can be broadly categorised under the following:

- (1) Socialists especially those who belong to the University of Malaya Socialist Club;
- (2) Islamic Students—those who belong to the Persatuan Mahasiswa Islam and to ABIM, i.e. Angkatan Belia Islam Malaysia;
- (3) Members of the University of Malaya Chinese Language Society;

- (4) Pro-Socialists—as if in this country it is an offence to be a socialist or a pro-socialist; and
- (5) Lecturers in the University of Malaya, Universiti Kebangsaan, Institiut Teknoloji Malaysia.

I gather that there is yet another list, and I can assure the Assistant Minister

Tuan Pengerusi: There is no Assistant Minister nowadays!

Dr Tan Chee Khoo: I can assure the Deputy Minister that that list too will be public property very soon. This list is like a “Who is Who” of the students, and practically the whole leadership of the students in our universities and other institutions of higher learning are on this wanted list. By this action, the Police hope to decimate the student movement and turn it into a puppet in the hands of the Government. But the students are not exactly that *bodoh* or dumb bells, for by the time the swoop took place some of the birds had flown away.

Mr Chairman, Sir, the Police went into the campus armed with canes and they denied that they had used it on any student. But now there is documentary and medical evidence that the Police have used the cane in a haphazard manner on the female students in the 1st and 7th colleges of the University of Malaya, and I gather that a master of a college himself narrowly escaped from being caned only because he ducked behind a pillar.

I call on the Minister of Home Affairs to investigate these allegations and bring those responsible to court. There must be discipline amongst the Police and even the Police are not above the law. The whole campus is like a concentration camp ringed by Police at the periphery and is swarming up with Special Branch inside.

Now we are told, Mr Chairman, Sir, by the Police that the present student unrest is communist inspired and they have produced “evidence” from a house in S.E.A. Park, in Petaling Jaya occupied by students of the Chinese Language Society. This is absurd and preposterous, as the Member for Kota Melaka has stated and as I shall presently show. Originally in this House and outside

it as well, the Government and the Police have accused discredited politicians of being responsible for the student unrest. I have challenged the Government to name those discredited politicians, but up to now I have yet to receive the answer or they have failed to do so. The Government works on the assumption that the bigger the lie the more likely it will stick. It is preposterous and absurd for the Police to pretend that the widespread dissatisfaction amongst the youths of the country is due to discredited politicians, anti-national elements and foreign agents; and there is now a massive propaganda attempt to pin it on the communists. This is the largest demonstration of popular discontent by the youths that we have seen in this country. It reflects feelings that are in the hearts of the vast majority of the ordinary people of the country. This is the reason for the great popularity of the students and this time they are articulating popular feelings and they have struck a raw nerve in the Government. The reaction of the Government and the Police have been to repeat the old tired allegations and manipulations especially by the Communists. Have they forgotten that the vast majority of the students who demonstrated were recently strong supporters of the Government? Why did they turn away? The answer lies in the failure of the ruling party to reduce poverty, the corruption that exists amongst them and the handful of families that have grabbed everything for themselves and above all the failures of the policies that the Government has stated that it will carry out; and the fact is that the poor in this country have become poorer, and the rich have become richer.

The Minister of Home Affairs and the Police have mounted a massive propaganda effort to prove that the communists are behind the present student unrest and, in particular, they have chosen the University of Malaya Chinese Language Society as their main target. They have raided a house in S.E.A. Park, Petaling Jaya, as I have stated, and they have produced dummy rifles and stacks of subversive materials. The whole paraphernalia of the mass media—TV, Radio and the newspapers—have been mobilized to prove this point. This is preposterous. The people of this country have not as yet forgotten that on May the 13th the Government blamed the communists for being responsible for the riots then. Now

we know that the communists were as surprised as all of us in this country and they were caught flat-footed. As for the dummy rifles and stacks of subversive material, they were produced by the University of Malaya Chinese Language Society for a play that was intended to be produced earlier on this year as the Member for Kota Melaka has stated. It reminds me of the efforts of the Minister of Home Affairs who in May 1969, when he was a member of the N.O.C., met the international press and showed them an array of so-called weapons which he labelled as offensive weapons. He made himself a laughing stock when he was closely questioned by the veteran foreign reporters who were no respecter of persons, and he could not answer their questions.

One does not need to be an intelligence chief to know that in this "cloak and dagger" game, the Special Branch is not above manufacturing evidence. As a means of ending the current wave of student unrest, may I propose to the Government the following measures:

- (1) The Police should stop their harassment and arrest of students and lecturers, especially the duly elected representatives of the students.
- (2) All students and lecturers arrested under the Internal Security Act should be brought to Court, failing which they should be released unconditionally.
- (3) The Government should hold a round-table conference with the student leaders to find out ways and means to solve the present wave of student unrest.
- (4) The matter of examinations in early January next year should be left to the University authorities to decide as to when and how they should be held.

If the Government accepts these proposals, I am sure it would go a long way towards defusing a very tense situation.

Tuan Pengerusi: Tempoh sudah cukup.

Dr Tan Chee Khoo: Mr Chairman, Sir, finally I wish to say that the student unrest cannot be solved by any repression under the I.S.A.

6.16 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan disamping itu hendak menyentuh tiga-empat perkara untuk perhatian Kementerian ini.

Saya melihat pada masa-masa yang lampau, sungguhpun ada di dalam Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat No. 36. (10), mengatakan adalah salah pada peraturan menggunakan—"perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-hati ataupun bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum . . .", tetapi ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan perkataan itu tanpa larangan, tanpa teguran. Saya berkata begitu kerana ada incident yang baru berlaku, yang mana Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hendaklah mengambil berat. Saya harap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil berat, satu perkara yang selalu saya lihat berlaku iaitu apa juga ucapan yang dikatakan dalam Dewan ini, biasanya besok atau lusa disaiklostail dan diedarkan kepada rakyat jelata. Kita di sini ada kebebasan boleh berkata apa yang kita suka, asalkan tidak keluar daripada Peraturan yang saya katakan tadi; maka sesudah dibaca oleh orang luar perkara itu akan mendatangkan perasaan permusuhan di antara satu sama lain. Saya tidak tahu samada boleh dibuat atau tidak begitu, tetapi dalam Peraturan yang saya baca perkara ini terkecuali. Oleh yang demikian, saya harapkan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil perhatian supaya jangan lagi diulangi perkara yang saya katakan itu.

Disamping itu, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh berkenaan dengan perkara B. 34, muka surat 268 iaitu Aktiviti (2) Pencegah Jenayah, (3) menguatkuasakan Undang-undang dan Perintah dan (4) Risikan Keselamatan. Di kawasan saya, Jeram telah berlaku satu perkara pembunuhan di mana seorang telah membunuh 6 orang lain. Perkaranya ini sudah berlaku tiga bulan yang lalu. Sungguhpun di situ ada satu pelatun anggota polis berjaga; berkawal di dalam kawasan hanya 20 batu persegi, tetapi sehingga hari ini belum lagi ada tangkapan. Saya berkata di sini, kerana penduduk-penduduk di Jeram sekarang ini keadaannya di dalam ketakutan, bahkan pukul 6.00 petang sahaja pintu-pintu

ditutup sungguhpun polis ada berkawal di sana. Saya minta kepada pihak Polis hendaklah diadakan satu investigation, satu enquiry, panggil wakil-wakil rakyat, panggil semua ketua-ketua kampung supaya dapat kerjasama sepenuhnya. Saya sendiri, sebagai wakil rakyat di kawasan itu, telah pergi ke kampung itu untuk mencari dan mengetahui apakah sebab-sebabnya, maka orang yang telah menjalankan pembunuhan itu masih juga tidak ditangkap.

Ada satu dua perkara yang saya telah tahu bahawa mereka khuatir, iaitu mengikut reputation polis, sesudah ditangkap sahaja orang, tanpa apa-apa hal, tempeleng, terajang dan tendang dilakukan maka itulah sebabnya kalau orang ini menyerah perkara ini terjadi, konon. Kalaulah misalannya Pegawai-pegawai Polis di Kuala Selangor ataupun di Jeram percaya kepada Wakil-wakil Rakyat, maka kami boleh bekerja di dalam mesyuarat mereka itu, kami hadir sama, kami jua boleh pergi mencari di merata-rata kampung itu. Dengan jalan ini, orang itu lebih percaya, iaitu kalau pembunuhan ini menyerah diri dan kami hadir bersama-sama, perkara yang disangkanya mungkin terjadi itu, tidak terjadi. Saya berharap kepada Ketua Polis Negeri Selangor dapat bekerjasama dengan pihak kami. Kalau kami Wakil rakyat tidak boleh dipercayai oleh Ketua Polis di Selangor siapa lagi yang boleh dipercayai.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya khuatir tentang bertambahnya pada masa sekarang jenayah-jenayah yang besar, terutamanya di Kuala Lumpur. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri, pada masa yang lampau di Dewan yang mulia ini, telah menyatakan dari setahun ke setahun bilangan perkara-perkara jenayah telah beransur-ansur kurang, tetapi kekurangan ini bukanlah satu ukuran mengatakan polis itu cekap di dalam menjalankan kerjanya. Di sini saya suka menerangkan bukan saya mengecil-mengecilkan perkhidmatan polis, saya pandang sangat-sangat mulia, saya menghargai kerja-kerja dan perkhidmatan mereka, tetapi apa yang mustahaknya ialah percentage, berapa banyak kejahatan-kejahatan jenayah ini yang telah dapat diselesaikan.

Mengikut pandangan saya di Kuala Lumpur sahaja dalam tempoh 3 bulan, 4

pembunuhan yang besar-besar telah terjadi iaitu:

- (i) pembunuhan I.G.P. hingga sampai sekarang belum dapat ditangkap lagi pembunuhnya;
- (ii) pembunuhan David Sung belum juga lagi dapat apa-apa berita;
- (iii) macam saya katakan tadi di Jeram; dan
- (iv) baharu sahaja terjadi, iaitu seorang jutawan yang telah ditangkap dan didapati mati.

Selain daripada itu, tiap-tiap pagi kita buka suratkhobar ada sahaja terbaca berita jenayah-jenayah, pembunuhan-pembunuhan, pencolekan-pencolekan. Saya menganggap mesti ada satu-satu sebabnya maka perkara ini makin lama makin menjadi buruk dan makin lama makin bisik-bisik orang, cakap-cakap orang mengatakan Jabatan Polis tidak begitu cekap lagi menjalankan kerjanya. Saya tidaklah bermaksud iaitu dengan tiga empat perkara yang saya katakan itu boleh membuatkan kerja baik Jabatan Polis yang begitu lama, diburuk-burukkan oleh orang. Saya suka di sini meminta supaya "Salleh Sistem" itu diadakan semula. Banyak tempat-tempat di Kuala Lumpur, misalannya, di Jalan Bukit Bintang perniagaan telah merosot kerana secret society telah mula meminta duit protection. Peniaga-peniaga kecil, terutamanya gerai-gerai juga sudah diminta duit itu. Kalaulah misalannya saya mengadu kepada Jabatan Polis mengenai perkara-perkara ini, mereka hendakkan bukti.

Tuan Pengerusi, kalaulah misalannya si anu meminta duit kepada saya, takkanlah dia hendak mengeluarkan resit mengatakan; Saya terima daripada Raja Nasron \$200 duit protection. Jadi, macam mana saya hendak mengeluarkan satu bukti kepada pihak yang berkenaan. Kalaulah ada "Salleh Sistem" itu, iaitu pondok-pondok macam dahulu, maka memang ada berkurangan perkara-perkara yang saya katakan tadi. Pada masa sekarang pondok-pondok yang telah diadakan mengikut "Salleh Sistem" itu boleh sendiri dilihat keadaannya, pecah cermin-cerminnya; di situlah kambing bernajis dan najis manusia pun ada di situ. Ini semua duit rakyat yang membuatnya. Pada masa dahulu Yang Berhormat Menteri ada mengatakan pondok-pondok itu tak payah digunakan kerana ada kereta ronda. Kereta ronda lain, pondok ini

lain. Pondok ini anggota polis sentiasa ada bertugas satu atau dua orang di situ, dan dengan adanya mereka maka anggota-anggota secret society itu takut daripada membuat apa-apa.

Yang ketiga, saya suka menyentuh berkenaan dengan Jabatan Imigresen, terutamanya di lapangan terbang, bila melayan orang-orang turun—mendarat, iaitu memeriksa paspot-pasportnya sangat lambat hingga beratur $\frac{1}{2}$ jam, $\frac{3}{4}$ jam baharu dapat clearancenya. Ini disebabkan kawasan Imigresen yang luas itu tidak digunakan dengan sepenuhnya. Kalau pergi ke International Airport di tempat-tempat lain ada banyak tempat di mana boleh penumpang-penumpang itu menunjukkan pasportnya dan dapat diperiksa, tetapi di Kuala Lumpur ada bottleneck, satu tempat itulah untuk orang yang mempunyai Paspot Malaysia, dan satu tempat lain paspot untuk lain negeri. Jadi, dengan bottleneck ini maka passengers itu terutama kalau ada kapal terbang International, hingga sampai satu jam baharu dapat clearance.

Tuan Pengerusi: Tempoh sudah cukup.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Terima kasih.

6.26 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, sambil menyokong Anggaran Belanjawan Persekutuan, 1975 ini, saya suka menyatakan penghargaan rakyat jelata tentang perkhidmatan yang telah diberi oleh Pasukan Polis dalam tempoh dua tiga minggu yang baru lalu ini untuk menyelamatkan dan mententeramkan keadaan yang timbul kerana beberapa gerak-geri yang kita semua faham dan tahu.

Di sini saya rasa kita semua tidak terperanjat mendengar Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Kepong yang sebagaimana sentiasa dilakukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu menggunakan peluang dalam Dewan ini untuk menegaskan kepentingan parti yang tidak barangkali begitu memberatkan kepentingan negara dan kepentingan ketenteraman keselamatan negeri. Bagaimana mereka hujahkan sekalipun, apa kata-kata yang mereka kemukakan rakyat jelata tak terpisung. Barangkali mereka cuma membuang masa, tetapi yang kita mesti memperingatkan Ahli-ahli

Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang iaitu mereka juga bersama-sama dengan kita di pihak sini bertanggungjawab untuk mempertahankan Keluhuran Perlembagaan dan Undang-undang dan sama-sama menjaga ketenteraman dan keselamatan.

Sebagaimana saya sendiri sebutkan dalam Dewan ini beberapa hari yang lepas antara penuntut-penuntut, pelajar-pelajar itu yang saya sendiri sedar bersemangat yang suci-murni yang mempunyai idealism, sebahagian yang besar dari mereka itu tertarik-tarik kerana idealismnya, kerana kemahuan mereka menolong yang miskin, membetulkan apa yang mereka anggap salah dan sebagainya. Akan tetapi, tak dapat kita menafikan bahawa orang yang jujur semacam ini terpedaya dan terpaksa dan diperalatkan dan ini menjadi kewajipan kita yang sudah mengalami pengalamannya, yang sudah melalui jalan ini dahulu memberitahu bahawa apa yang mereka telah jalankan itu tidak ganjil kepada kita yang sudah melaluinya dan menjadi kewajipan kita sebagai bapa dan abang memperingatkan bahawa tidak salah mengeluarkan fikiran, tidak salah mengeluarkan pendapat, tidak salah menghantar memorandum, tidak salah membuat rayuan supaya itu dan ini diperbuat ataupun diperelekan untuk kepentingan rakyat. Tetapi apa yang dipantang dan dilarang dan apa yang diambil tindakan oleh kita ialah sebarang perbuatan yang melanggar undang-undang. Di sini saya rasa Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang patut mempunyai tanggungjawab yang lebih jujur. Kalau Ahli Yang Berhormat itu fikirkan dengan menggunakan kesempatan ini dengan tujuan semata-mata untuk menambahkan sokongan, mendapatkan sokongan atau undi di masa akan datang, saya rasa pendapat itu salah kerana dalam pilihanraya yang baru lepas kita telah tahu penuntut-penuntut yang terlibat dalam segala perbuatan ini sudahpun mengambil bahagian yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan, tetapi telah mengambil bahagian bergerak serta berkerja dan hasilnya adalah kosong, tidak satu kerusi pun diperolehi oleh pihak yang disokong oleh pelajar-pelajar yang mengakui diri mereka sebagai revolusiner, sosialis, pemimpin dan sebagainya. Jadi sia-sia sahaja. Sebaliknya orang ramai yang diganggu.

Barangkali orang yang pergi dari Kuala Lumpur ke Petaling Jaya atau balik yang tidak dapat berjalan, tergendala sampai dua tiga jam di jalanraya sedar bahawa apa yang dilakukan oleh polis ialah satu perbuatan yang wajar, satu perbuatan yang kita akui adalah satu perbuatan untuk mempertahankan negeri ini daripada menjadi huru-hara. Barangkali setengah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu ada rumah yang besar-besar di bandar tidak payah jalan sampai ke Petaling Jaya, tidak tahu. Tetapi orang ramai yang menaiki bas dan motosikal beribu-ribu, berapa siksa sampai terlepas bas, sampai balik ke rumah berjalan kaki hingga pukul 10-11 malam baru sampai. Hasil dari perbuatan yang telah dilakukan itu dan pihak polis telah menolong kita mengatasi soal ini dan yang saya menghargai bahawa restraint ataupun sikap sabar, sungguhpun mereka dimaki, dilempar batu dan dihentam dengan catapult dan sebagainya tetapi mereka tabah. Inilah yang kita hargai dan saya fikir sangatlah tidak adil dan tidak patut bagi pihak Pembangkang kita mengemukakan perkataan seperti *manufactured evidence*. Adakah mereka menafikan sebagaimana yang diterangkan tadi bahawa bahan-bahan yang telah disiarkan gambarnya dalam suratkhobar itu benar telah terdapat di tempat itu. Mereka sendiri mengakui bahawa benda-benda yang terdapat di rumah yang kononnya benda itu tersimpan. Kita tidak hairan juga bahawa mereka tahu pula latar belakang yang penuh. Soal yang menjadi tanda-tanya, dan rakyat mahu tahu adakah mereka itu juga terlibat dalam beberapa perkara dan kejadian? Kalau tidak, mereka tentu tidak tahu dengan teliti. Sama pula pendapatnya di tempat mana, apa sebab, apa maksud, apa gunanya senapang kayu ini dan sebagainya. Tetapi itu tidak penting. Yang penting ialah kita harap, kita ada hak menuntut supaya Ahli-ahli dari Pembangkang juga tidak patut menggunakan kesempatan dan perlindungan yang diberi kepada mereka dalam Dewan ini untuk membuat dakyah parti semata-mata yang bertentangan dengan keselamatan negeri ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Satu lagi perkara yang saya hendak kemukakan ialah berkenaan dengan soal pendaftaran suratkhobar. Saya tahu bahawa

pendaftaran ini perlu dan elok di teruskan. Akan tetapi di dalam seminar yang telah diadakan di sini lebih kurang enam tujuh bulan dahulu antara wakil-wakil suratkhobar dan seranta am telah timbul satu pendapat iaitu tidak perlu kita adakan pendaftaran pada tiap-tiap tahun. Tiap-tiap tahun mesti isi borang, tiap-tiap tahun mesti diminta semula. Kalau Kerajaan dapat menimbangkan supaya pendaftaran itu diadakan sekali sahaja sudah cukup, terus boleh jalankan. Ini menjimatkan masa, menjimatkan kerja dan sebagainya. Tambahan pula pihak Kerajaan bila-bila masa boleh menarik balik, boleh berhentikan dan boleh tahan suratkhobar. Apakah gunanya, apakah maksudnya tiap-tiap tahun mesti diulangi permintaan pendaftarannya? Saya harap perkara ini dapat diambil perhatian dan barangkali Menteri yang berkenaan dapat memberi layanan yang sewajarnya.

6.36 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, dalam membahaskan Kepala B. 33, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, yang pertama saya suka mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang mengambil tindakan yang begitu tegas terhadap pengacau-pengacau dan penghasut yang cuba hendak menghuru-harakan negara ini.

Ada satu perkara yang saya pandang bahawa Kerajaan patut mengambil satu-satu tindakan mengenai kawalan penerbitan selama ini kita tahu ada undang-undang yang mengawal penerbitan-penerbitan dalam negara ini. Terutama penerbitan-penerbitan yang mengandungi hasutan-hasutan atau yang mengandungi tuduhan-tuduhan yang melulu atau mengandungi perkara-perkara yang boleh membangkitkan perasaan perkauman dan sebagainya. Tetapi sejak akhir-akhir ini kawalan itu tidak begitu ketat. Maksud saya ialah surat-surat sbaran terutama yang dikeluarkan oleh Persatuan Penuntut-penuntut Universiti. Sebelum mereka mengadakan demonstrasi, sebelum mereka mengadakan tunjuk-tunjuk perasaan, sebelum mereka menghasut rakyat berhimpun, mereka telah menyebarkan risalah-risalah atas nama Persatuan-persatuan Universiti, Persatuan Bahasa dan sebagainya.

Risalah-risalah itu mereka sibarkan begitu berani sekali di masjid-masjid, di tempat perhimpunan orang ramai dengan tidak berasa takut, tidak berasa bimbang kepada siapa pun. Dua tiga kali hadir, saya datang menunaikan Fardhu Jumaat, saya dapati bertimbun kertas sibaran oleh pihak-pihak yang saya katakan tadi.

Dalam kertas-kertas sibaran itu mengandungi hasutan, mengandungi tuduhan-tuduhan yang melulu yang tidak berasas. Kepada setiap orang yang datang ke masjid mereka berikan surat-surat sibaran tadi dengan tidak ada perasaan takut, saya katakan lagi sekali, sebab boleh jadi pihak Pasukan Keselamatan atau pihak berkuasa kita memandang perkara ini enteng, ataupun hendak beri peluang kepada Persatuan Penuntut tersebut, sebab negara kita demokrasi barangkali beri peluang kepada mereka menyatakan perasaan mereka. Tetapi pada pendapat saya, sekiranya peluang yang begini luas kita beri, inilah puncanya yang menyebabkan orang ramai jadi rasa ragu-ragu terhadap kejadian-kejadian dan tuduhan-tuduhan itu. Boleh jadi tuduhan-tuduhan itu benar.

Kalau perkara ini tidak benar tentulah pihak berkuasa sudah mengambil tindakan, tetapi oleh sebab pihak berkuasa tidak mengambil tindakan itu pendapat orang ramai boleh bersetuju, boleh jadi dalam isi surat-surat itu ada perkara-perkara yang benar-benar terjadi. Inilah kesimpulan yang saya dapati apabila surat sibaran ini disebarkan begitu leluasa dengan tidak diambil apa-apa tindakan.

Saya beri satu contoh. Mula-mula sekali penuntut-penuntut ini telah menghasut ialah di Sekolah Menengah Seri Balik Pulau, iaitu kawasan saya sendiri. Sebelum mereka menghasut murid-murid ini mogok mereka telah cyclostyle atau telah mencetak surat-surat tuduhan melulu kepada guru besar menyatakan guru besar ini telah menyalahgunakan kuasanya, telah menggelapkan wang sekolah, telah cuba menjatuhkan maruah murid-murid perempuan dan berbagai-bagai tuduhan lagi yang semuanya tidak berasas sama sekali. Mereka sibarkan, masuk ke dalam kampung bagi menyebarkan perkara ini, setelah mereka membuat syarahan maka diberi kepada orang kampung dan dalam hubungan ini saya pun memberitahu kepada pihak yang berkuasa tempatan—O.C.P.D. di Balik Pulau.

Jawapan O.C.P.D. "Kita tidak dapat mengambil apa-apa tindakan lagi, kita terpaksa menunggu arahan dari Kuala Lumpur." Pada masa itu saya sudah berasa bimbang sekiranya pihak berkuasa tidak mengambil tindakan harus perkara ini akan berpanjangan. Apa yang saya sangkakan rupanya betul-betul terjadi. Pada hari Khamis dalam minggu itu maka terjadilah pemogokan murid-murid sekolah menengah. Murid-murid sekolah itu seramai 600 orang pada besoknya tidak mahu masuk ke dalam kelas. Ini puncanya adalah hasutan daripada penuntut-penuntut Universiti Sains di Pulau Pinang. Mereka menggunakan letter head Persatuan Penuntut Universiti Sains Pulau Pinang, menyebarkan risalah tadi, selepas itu mereka masuk ke dalam kampung dan sibarkan kepada ibu bapa. Oleh sebab ibu bapa terkeliru dengan surat-surat sibaran tadi, ibu bapa pun menyokong tindakan anak-anak mereka, sehinggalah pemogokan itu berlaku selama empat hari. Saya hubungi pihak Kementerian Pelajaran, setelah penduduk-penduduk kampung tadi berjumpa dengan Kementerian Pelajaran, setelah mendapat penerangan tentang kejadian yang sebenarnya baharulah pemogokan itu dapat kita hentikan. Saya katakan sekali lagi ini adalah disebabkan oleh surat-surat sibaran yang tidak bertanggungjawab.

Saya cadangkan dalam Dewan ini supaya pada masa hadapan Kerajaan mesti mengambil tindakan yang tegas terhadap sesiapa juga yang menyibar, yang menulis surat-surat sibaran ini, juga kepada orang-orang yang menyimpan atau yang memiliki surat-surat sibaran ini. Secara tidak langsung saya sendiri dapat melihat anggota-anggota Pasukan Keselamatan kita bukan dengan tujuan dia hendak menyebarkan, apabila dia dapat diberi kepada orang-orang lain surat-surat sibaran tadi. Dengan secara tidak langsung Pasukan Keselamatan yang sepatutnya mengambil tindakan, dia sendiri memberi surat sibaran itu kepada kawan-kawannya atau rakan-rakannya yang lain, kerana hendak menengok apakah tuduhan kali ini. Sekiranya kita tidak mencegah perkara ini saya bimbang berbagai-bagai perkara yang tidak diingini akan berlaku lagi.

Perkara kedua yang saya hendak cakapkan ialah masalah Pasukan-pasukan Kawalan Kampung atau lebih terkenal dengan nama Relawan. Sekarang Pasukan Relawan ini tiap-tiap satu yunit mengandungi 10 orang

dan senjata yang diberikan ialah empat pucuk. Pada pendapat saya empat pucuk senjata hendak berkongsi 10 orang, ini barangkali tidak begitu cukup perasaan tanggungjawab dan tidak begitu kuat, sebab tidak siapa pun yang bertanggungjawab penuh terhadap empat pucuk senjata yang diberikan kepada 10 orang itu.

Saya dalam Dewan ini meminta kepada Kementerian yang berkenaan supaya di kawasan-kawasan yang kita fikirkan sangat merbahaya seperti di kawasan lebuh raya, di kawasan sempadan, di kampung-kampung yang dekat dengan pembangunan, misalnya, Pembangunan Ampangan Temenggor, di kawasan-kawasan yang penting patutlah tiap-tiap orang dalam yunit itu diberi seorang sepucuk senjata. Ini adalah lebih bertanggungjawab, tiap-tiap orang bertanggungjawab terhadap senjatanya dan kalau ada pihak-pihak yang cuba hendak menggunakan atau mencuba hendak mengacau di kawasan itu barangkali terpaksa berfikir dua, tiga kali untuk berbuat demikian. Saya mencadangkan juga supaya tiap-tiap kampung yang anggota polisinya sangat kurang patutlah satu yunit ditubuhkan pada tiap-tiap kampung itu.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup Ahli Yang Berhormat.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

6.47 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Pengerusi, saya juga menyokong di atas Anggaran Perbelanjaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan dalam segi itu saya ingin menyentuh dua tiga perkara.

Yang pertama, berkaitan dengan tapisan filem dan penerbitan. Dalam hal ini saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya mengadakan tapisan, bukan sahaja filem-filem yang diimport daripada luar negeri, tetapi mestilah diadakan tapisan script-script yang dibuat di dalam negeri, samada untuk filem tayangan ataupun filem iklan, kerana dengan ini mungkin kita akan dapat mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak senang berkaitan dengan filem-filem yang dibuat di dalam negeri ini. Sungguhpun ada tapisan tidak dibenar menayangkan di dalam negeri, tetapi boleh ditayangkan di luar negeri. Dari

segi ini, saya menyeru kepada Kerajaan ataupun Kementerian yang berkenaan supaya mengadakan tapisan script dan ini akan mengelakkan pembuatan-pembuatan filem, terutama iklan yang tidak dibenarkan ditayangkan di dalam negeri, tetapi boleh ditayangkan di luar negeri.

Yang kedua, berkaitan dengan keselamatan sempadan. Sungguhpun perkara ini sudah dibangkitkan di dalam perbahasan berkaitan dengan Kementerian Pertahanan, lagi sekali saya menyeru kepada Kementerian, iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya mengkaji semula sistem yang dibuat pada ketika emergency atau darurat dahulu, iaitu didirikan kubu-kubu di sempadan. Dengan kerana ini akan memberi jaminan keselamatan kepada rakyat dan juga jentera-jentera Kerajaan.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, berkaitan dengan elau pegawai-pegawai polis. Sebelum diadakan Lapuran Suffian dahulu tiap-tiap pegawai polis diberi "economic rent" iaitu untuk sewa rumah, tetapi dengan adanya Lapuran Suffian kemudahan ini telah ditarik balik, tetapi untuk pegawai-pegawai yang peringkat Chief Inspector ke bawah oleh sebab desakan, maka keistimewaan ini diberi semula, tetapi untuk pegawai A.S.P. ke atas malangnya keistimewaan ini tidak diberi. Jadi timbul satu kepincangan ada kadangkalanya di mana Chief Inspector itu apabila ditambah gajinya dengan "economic rent", gajinya lebih daripada pegawai A.S.P. yang tinggi pangkat daripadanya. Dari segi itu, saya menyeru kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji perkara ini apalah kiranya menghulurkan keistimewaan ini kepada semua lapisan pegawai. Sebab tugas mereka adalah sama, samada dia berpangkat A.S.P. atau mata-mata ataupun Chief Inspector.

Yang keempat, berkenaan dengan Marine. Saya tidak nampak apa-apa yang diberikan peruntukan untuk menambahkan lagi marine boats kepada Pasukan Marine, Polis Di Raja Malaysia. Pada fikiran saya, marine boat ini sangatlah mustahak memandangkan kepada kejadian-kejadian yang selalu berlaku sekarang dipantai tanahair kita di mana penyeludup-penyeludup ataupun pukat-pukat tunda haram yang mengancam mata pencarian nelayan-nelayan yang tidak dapat pergi ke laut jauh daripada pantai untuk mencari ikan.

Yang kelima, saya minta izin sekali-sekala menggunakan bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Boleh, kalau benar-benar perlu.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Terima kasih. Banyak telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Pembangkang berkenaan dengan kekejaman Pasukan Polis, masuk dalam kawasan kampus dan mengancam keselamatan dan kebebasan. Kebebasan, Tuan Pengerusi, adalah satu perkara yang cantik.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, freedom is a thing of beauty. It should be protected and appreciated. It is just like a flower but if the flower is given to a monkey, then the thing of beauty is destroyed instead of being protected and appreciated.

I am also attracted, Mr Chairman, Sir, to what the Honourable Member for Kota Melaka said about the double standard on the part of the Government or the Police. From what he said, it would appear that he himself is a person of self-contradiction. I say this because by trying to give his whole-hearted support to the demonstrations conducted by the students, he more or less tried to put the category of students into a special breed above the law and at the same time he was preaching that everybody must be treated equally in the eyes of the law. I think this is self-contradiction. So many other things were said by him about cruelties, atrocities and so on by the Police, but if only he were to read the local papers, he would have seen the reaction of the public towards the action of the Police. As far as I know, none has criticised but on the other hand the majority of the people are in disagreement with the action taken by the students. It seems very difficult, Mr Chairman, Sir, to reconcile all these things said by them and maybe they are trying to propagate, to formulate, an ideal. I say it again, Sir, that in so doing, they are just making themselves indefatigable idealists trying to reconcile the irreconcilable. They would have done a great service to the country and to everybody if only they had used their influence to convince the students that their actions against the law will carry them nowhere.

Tuan Pengerusi, banyak telah diperkatakan terhadap polis. Sungguhpun saya bekas Anggota Polis, tetapi walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih

kepada Pasukan Polis daripada peringkat yang sehabis-habis rendah sehinggalah ke peringkat yang sehabis-habis tinggi di atas kecekapan dan kesabaran yang mereka tunjukkan ketika berlaku demonstrasi baharu-baharu ini dan saya akhiri dengan satu quote dengan satu rangkap yang ditulis dalam buku "Spearhead in Malaya!" The author said:

"Heroes have come,

Heroes have gone,

But the true heroes are the Mata-mata."

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

6.56 ptg.

Tuan Leo Moggie anak Iroke (Kanowit):

Tuan Pengerusi, saya suka bercakap sedikit mengenai Anggaran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Dengan ini, saya minta izin untuk bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Chairman, the previous speaker has said that we from the Opposition keep on quoting instances of Police atrocities. I will continue to do so with one or two instances, and I would like to touch on Head B. 34, Sub-head 1100, Activity (3), on page 268, Enforcement of Law and Order.

Mr Chairman, when the General Election was conducted recently, there had been instances where some reports especially from the Opposition side were submitted, but they were not acted upon with expedition, whereas when reports were submitted against the Sarawak National Party in Sarawak, they were acted upon with speed. I will give one example of this. A SNAP Field Officer in Limbang, by the name of Embu ak Changkih, was suspected of intimidating the voters and it was alleged that he collected identity cards of voters to do so. He was quickly arrested with the usual accompaniment of maximum and repeated publicity over the radio, the Government news media. The gentleman was brought to court last month. The court ruled that Mr Embu had no case to answer. He was innocent of any wrong doing. I contrast that with the handling of a case by Police. A report was submitted on communal posters being printed and distributed. I have here, Mr Chairman, Sir, a copy of that poster. The report was submitted to the Bau Police Station in the First Division by the Honourable Member for Bau-Lundu. It is under

Report Reference, Bau Report No. 308/74 and Station Receipt No. 16/74. This poster is written in Chinese. I am informed, among other things, it contains one statement which states that "to vote for the Sarawak National Party is to vote against the Chinese interests." I would not go further into that, Mr Chairman, Sir, but the implication to me seems to support the allegation that has been made by the Honourable Member for Kota Melaka in terms of double standard of enforcement of law.

The second point that I would bring up is a case where some of our people were arrested initially, we were made to believe, under the Preservation of Public Security (Detention) Regulations, 1962. Apparently now they are being detained under the Internal Security Act. I refer to the arrests of Yang Berhormat Datuk James Wong and the nine others, four of whom were arrested on the 10th of October and the rest of the six were arrested on 30th of October. The Acting Inspector-General of Police at a press conference, according to the *New Straits Times*, is reported to have said after the latter arrest that he will, within a few days announce in detail the reasons for the arrest.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, am I right in assuming that it is the same story that you told when we debated the Motion of Thanks on His Majesty's Speech?

Tuan Leo Moggie anak Iroke: Yes, I did, Mr Chairman, Sir.

Tuan Pengerusi: You are repeating it then.

Tuan Leo Moggie anak Iroke: No, I am only making the point and what I am saying here is this: Since there has been an undertaking to give the reasons for the arrest, up till today the reasons have not been disclosed. This is the point I am making. I hope that the Deputy Minister concerned would attempt to give an explanation as to the reasons that led to these arrests. If those arrested are found to be innocent, then, Sir, they ought to be released unconditionally. Now, the Internal Security Act, of course, contains certain provisions which in effect do not give a fair deal in terms of a detained person for a fair trial.

Now, to be brief, Mr Chairman, Sir, I have here a copy of a statement handwritten and signed by Yang Berhormat

Datuk James Wong at the time of his arrest. With your permission, Sir, I will read it. It says: "Please carry on our good work in closest co-operation with courage to ensure unity and happiness of our nation. Warmest regards."

Tuan Pengerusi: What is the date of the letter?

Tuan Leo Moggie anak Iroke: The letter is dated 30th October, 1974. I read this, Mr Chairman, for the simple reason that those words to me do not indicate him to be a person of a criminal mind. They indicate a loyal citizen dedicated to the upholding of law and order.

There is another example that I would like to bring up now. This is another signed statement by a Malaysian citizen in Limbang alleging, among other things, that the Police authorities in Limbang were attempting to intimidate and pressure the particular gentleman to resign from the Sarawak National Party. With your permission, Mr Chairman, I would read one or two paragraphs out of this statement, if I may. I do not intend to read the whole thing as it will just be a little bit too long.

"On the 13th of November, 1974, about noon, when I was in Limbang Besar coming out from a coffee shop, a person not in uniform, whom I know as a Police Officer, met me and said I was required by a "tuan police" at the Police Station. I asked him for what reason. He said he did not know, but remarked, "do not be afraid". Later at 2 p.m., I went to Limbang Police Station where I met the same officer and whom I know was a relief for the former Special Branch Officer".

I don't think I should mention the name here, Sir.

Tuan Pengerusi: Yes, because the officer is not here to defend himself.

Tuan Leo Moggie anak Iroke: Yes, Sir, that is right. To be brief, may I request that this particular signed statement be included in the record of Hansard? I won't read it if that happens. The allegations in essence is that the Police authorities in Limbang abused their power to pressure a person to a particular point of political view which is not

the same as what the person is holding. With your permission, I request that the full text of this letter be included in the Hansard because this example. . . .

Tuan Pengerusi: I won't allow that. Only whatever you have said is recorded in the Hansard.

Tuan Leo Moggie anak Iroke: I see. In that case, I will read another extract here and it says:

"You better speak the truth. If you do not speak the truth, I have the power to arrest and detain you either in Limbang or in Kuala Lumpur for a duration of two months without trial. Anyway, I do not want to put you in trouble. You better go back home and avoid talking around too much. Now there are a lot of SNAP members who want to resign from the party. What do you think about resigning from the Party because your face is dirty."

This is a statement from a Police officer.

Tuan Pengerusi: Was the statement taped or written?

Tuan Leo Moggie anak Iroke: The statement is signed and is dated. "This statement is the truth of what transpired in Limbang Police Station on the 13th and 14th of November, 1974 made and signed on the 2nd day of December, 1974 at Kuching" by —then is given his full name and I.C. number and everything. What I am saying is that if these allegations against the Police are true, then they are very serious, and I would urge the Ministry concerned to make an investigation on the matter.

Mr Chairman, the Police force is not created, so that a few of its members may engage in partisan party politics. This House votes the money, votes the expenditure, so that the Police Force can carry out its duties to maintain law and order. Let me make my position quite clear, Mr Chairman. I believe that the majority of our Police personnel from the lowest to the highest ranks, uniformed or non-uniformed, are men and women of real dedication, of great sincerity of purpose and of real strength of character, who honestly execute their duties with impartiality. I believe the majority of

them are exemplary men and women who regard the public they serve as their friends. They deserve full public confidence and support. What I am suggesting is that we should not allow the good name of the many to be marred by the weaknesses of the few and with this statement I would urge the Ministry concerned to make an investigation particularly on the written statements that I have alluded to.

7.05 m.m.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, pada petang ini saya ingin berucap berkenaan dengan tugas-tugas yang dijalankan oleh Jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini. Kita dengar cerita yang tidak baik sahaja daripada pihak Pembangkang. Jadi, dengan izin, Tuan Pengerusi, saya sulamkan pula dengan cerita yang baik.

Saya berucap berkenaan dengan pelaksanaan tugas-tugas yang dijalankan oleh pegawai-pegawai dalam Jabatan Imigresen, Kepala B. 35 dan P. 35. Dari semenjak sebelum merdeka lagi tugas-tugas Jabatan ini boleh jadi tidak menyentuh secara langsung berkenaan kepentingan rakyat maka tidaklah begitu sangat diberi perhatian oleh orang ramai.

Dahulu orang-orang kita yang terpaksa berjumpa dengan Pegawai-pegawai Imigresen boleh jadi sebilangan yang kecil sahaja, tetapi semenjak merdeka dan negara Malaysia sedang membangun, perniagaan dan perusahaan Malaysia luar dan dalam negeri berkembang dengan begitu cepat, dan berlipatganda pula orang-orang dari negeri luar datang melawat dan berniaga dalam negara ini, maka tugas-tugas Jabatan ini telah menjadi sangat penting. Saya harap Jabatan ini dan tugas-tugas yang menjadi tanggungjawab Jabatan ini akan diberi segala keutamaan.

Kepada saya pentingnya tugas-tugas Jabatan ini adalah dari satu segi lagi iaitu tiap-tiap orang yang melawat ke sesebuah negara lain di antara pegawai-pegawai Kerajaan yang mereka mula-mula sekali berjumpa ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Imigresen. Dengan sebab itu, perawakan dan cara-cara pegawai-pegawai itu melayan orang-orang yang baharu datang itu, dengan cara-cara mereka menjalankan pekerjaan mereka akan jadi first impression kepada orang dari negara lain. Saya tahu ini dari

pengalaman saya sendiri semasa melawat negeri-negeri luar. Ada kalanya oleh sebab sikap yang kasar dan bongkak dari pihak Pegawai-pegawai Imigeresen di negara lain itu semasa sampai di pengkalan kapal terbang, timbul perasaan marah kepada saya dan berkata di dalam hati, "aku tidak akan melawat lagi negeri ini." Walhal, semua urusan dalam negara itu berjalan dengan elok dan teratur, cuma Pegawai-pegawai Imigeresennya sahaja yang saya jumpa di airport bersikap kasar. Kekasaran seseorang pegawai seperti itu sahaja akan membawa akibat yang tidak baik dan mengecewakan banyak daya usaha Kerajaan yang lain lagi untuk menaikkan nama negeri itu.

Tuan Pengerusi, dari apa yang saya telah lihat dan biasa alami, saya berani berkata bahawa Pegawai-pegawai Imigeresen di negeri kita adalah yang terbaik perawakan mereka. Dan saya dapati mereka adalah menjalankan tugas-tugas mereka di pengkalan kapal terbang dan tempat-tempat lain pada amnya adalah baik dan teratur. Saya harap benar-benar mereka terus bertugas demikian kerana peranan-peranan mereka adalah penting benar demi kepentingan negara dan bangsa.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya ambil peluang hendak menyebutkan dalam Majlis yang mulia ini ialah berkaitan dengan tugas-tugas Jabatan ini berkenaan dengan kebenaran business pass yang diberi kepada pemohon-pemohon dari luar negeri. Negeri kita sedang membangun dan semenjak merdeka oleh sebab kekuatan ekonomi negeri kita, kestabilan pemerintahan kita dan kekayaan hasil bumi negeri kita nama Malaysia harum di kalangan pelabur-pelabur, perdagangan dan perusahaan antarabangsa. Sungguhpun dasar kita sekarang menjaga dengan rapi supaya negeri ini dan kekayaan negeri ini tidaklah lagi dieksploitasi oleh pemodal-pemodal dari luar negeri, tetapi kepada mereka yang datang dengan tujuan yang baik dan ikhlas dan sedia patuh kepada dasar ekonomi dan undang-undang negeri ini, kita adalah patut beri peluang pada mereka dan permohonan-permohonan mereka dilayan dengan baik, tetapi dengan mengenakan syarat-syarat yang mustahak untuk menyelamatkan dan menjaga kepentingan dan negeri kita. Saya faham bahawa Jabatan ini faham akan pentingnya hal ini, dan kalau betul begitu, saya harap pegawai-pegawai Jabatan ini akan terus bertugas demikian.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya hendak tegaskan ialah berkenaan dengan latihan-latihan pegawai-pegawai Jabatan. Saya tahu bahawa Jabatan ini adalah memberi keutamaan kepada latihan pegawai-pegawai, yang saya hendak tegaskan ialah saya harap bahawa latihan-latihan yang diberi itu tidak berkenaan dengan undang-undang dan rules and regulations sahaja. Seperti yang saya sebutkan mula-mula tadi bagi pelancung-pelancung dan pelawat-pelawat dari luar negeri, pegawai-pegawai Jabatan Imigeresen adalah di antara pegawai-pegawai negeri ini yang mereka mula-mula sekali berjumpa. Apa yang mereka buat dan cara-cara mereka memeriksa dan melayani orang-orang baru datang itu mustahak sebagai pengalaman yang terkawal kepada orang-orang itu. Oleh itu, saya harap dalam latihan-latihan yang diberi itu Kementerian dan Jabatan ini akan menitikberatkan juga soal-soal berkenaan dengan dasar-dasar negeri ini dalam segala bidang dan cita-cita dan hasrat yang menjadi basis kepada dasar-dasar itu. Dengan itu, pegawai-pegawai Jabatan Imigeresen selain dari undang-undang rules and regulations akan ditanamkan juga dengan semangat Malaysia membangun dan diberi fahaman benar-benar cita-cita dan hasrat rakyat negeri kita yang menjadi dorongan dan panduan kepada Kerajaan kita.

Tuan Pengerusi, akhirnya, saya mengambil peluang ini menyebutkan hal perlaksanaan tugas-tugas Polis di-Raja Malaysia di bawah Kepala B. 24. Tugas-tugas yang dijalankan oleh Polis di-Raja Malaysia bukan sahaja berat tetapi sentiasa semasa mereka dihadapi oleh ugutan, maki-hamun dan sebaliknya. Pegawai-pegawai Polis pun manusia biasa juga dan penuh dengan sentimen, marah, sakit hati dan sebagainya. Tetapi, dalam menjalankan tugas-tugas mereka seperti mengawal dan menghadapi rusuhan-rusuhan baru-baru ini, saya berani berkata mereka telah menjalankan tugas-tugas mereka dengan menurut undang-undang yang telah diperbuatkan untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman orang ramai dalam negeri ini, bukan keselamatan ketenteraman dan kepentingan golongan-golongan yang kecil sahaja. Boleh jadi ada berlaku individual incident, tetapi disiplin yang dilaung-laungkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang adakah diminta dari pihak Polis sahaja. Tidakkah boleh mereka minta disiplin dari pihak lain. Apa sebab dilaungkan dari sebelah pihak

sahaja. Oleh itu, segala tuduhan-tuduhan yang dibuat khasnya oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong payah kita hendak menerima bulat-bulat. Seperti yang saya biasa sebutkan dalam Dewan ini kalau pihak Pembangkang cuma melemparkan tuduhan-tuduhan sahaja dan tidak sedia bekerjasama, mengkritik dan minta disiplin juga dari pihak lain, bagaimanakah kita hendak yakinkan credibility mereka. Saya harap mereka dapat juga appreciate segala kesulitan yang dihadapi oleh Polis di-Raja Malaysia dalam menjalankan tugas-tugas biasa yang banyak dan berat dengan tidak dibebankan lagi dengan tugas-tugas luar biasa seperti yang baru berlaku dalam negeri ini. Jika tidak ada berlaku hal-hal luar biasa seperti yang saya sebutkan, boleh jadi Polis di-Raja dapat lebih masa menyelesaikan kes-kes jenayah yang belum selesai seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor baru-baru tadi. Jikalau tidak mahu mengucapkan tahniah pun sekurang-kurangnya tidak usah kutuk dan katakan pihak Polis di-Raja yang telah menjalankan tugas-tugasnya dengan segala restraint.

7.15 mlm.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran, malahan tuduhan pada Pasukan Polis dan juga Jabatan-jabatan yang terdapat dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini. Saya tidaklah berhajat hendak hendak mengulas satu-persatu teguran dan pandangan serta tuduhan Yang Berhormat dari tiap-tiap kawasan yang bercakap tadi, tetapi madaidailah saya katakan di sini dan sepatutnya Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali dari pihak Pembangkang sewajarnya memberikan ucapan tahniah dan terima kasih kepada pihak Polis di-Raja Malaysia yang boleh kita akui salah satu angkatan Polis yang terbaik, bukan sahaja di Asia yang boleh kita banggakan bahkan seluruh dunia ini.

Soal keamanan dan ketenteraman negara kita ini akan dibasmi oleh pihak Polis walau dari mana punca, walau dari mana datangnya sekalipun. Negara kita sekarang adalah ditadbirkan oleh sebuah Kerajaan yang sah yang dipilih oleh rakyat, dan mandat baru hanya tiga bulan setengah sahaja diberi oleh

rakyat, kerana itu pihak Polis sebagai anggota keamanan mesti bertanggungjawab menjaga keamanan dan ketenteraman negara daripada dicerobohi dan daripada dinodai, lebih-lebih lagi pihak Polis akan menentang semuanya ini kalau ada anasir-anasir yang cuba hendak menggulingkan Kerajaan yang tidak berperlembagaan yang baru berlaku di Kuala Lumpur dan juga di lain-lain tempat baru-baru ini telah membuktikan bahawa pihak Polis telah menggunakan kecekapannya dalam menjalankan usaha-usahnya untuk menenteramkan keadaan. Dalam hubungan ini, saya suka lah menjelaskan di sini seperti yang telahpun disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri melalui radio, talivisyen dan suratkhbar baru-baru ini bahawa satu Kertas Putih mengenainya akan diterbitkan dan akan dibentangkan dalam Dewan ini sebelum Dewan ini ditangguhkan, dan saya tidaklah hendak memberi tarikhnya yang tepat, tetapi madaidailah saya katakan sebelum Dewan ditangguhkan.

Sebelum Dewan ini bersidang, malangnya satu usul telah ditarik balik oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu, jika tidak saya akan membuktikan segala-galanya dalam Dewan ini dengan barang-barang yang boleh dijadikan exhibit. Di luar sana kita boleh melihat dua guni batu, pasir, batang-batang besi dan saya boleh tunjukkan di sini ada besi bulat-bulat yang digunakan oleh pihak yang berkenaan dalam demonstrasi baru-baru ini kepada pihak Polis, dan sebuah topi besi, bukan besi betul, telah hampir pecah digunakan oleh pihak-pihak demonstrasi ini yang menggunakan besi-besi bulat yang tidak boleh kita dapati di tengah jalan atau dipungut tengah jalan, tetapi sengaja diambil dan sengaja diadakan dan sengaja betul dirancang dari awal-awal. Jadi pihak Polis telah menunjukkan kesabaran dan telah membuktikan discipline atau tatatertibnya yang teratur dan baik, kalau tidak, tentulah tidak siapa yang ingin melihat kejadian pergaduhan kaum berlaku lagi seperti yang telah berlaku pada 13hb Mei, 1969 yang lalu dan ini telah dapat dielakkan. Kalau sekiranya tuduhan-tuduhan dari pihak Pembangkang tadi, pihak Polis menunjukkan kelemahan maka boleh jadi satu pergaduhan yang lebih besar berlaku di Kuala Lumpur dan di lain tempat, sudah pasti pihak Pembangkang menuduh pula pihak Polis lemah, tidak bertanggungjawab dan sebagainya. Jadi, Tuan Pengerusi, saya

tidak hendak memanjangkan hal itu seperti yang saya katakan tadi satu "Kertas Putih" mengenainya akan diterbitkan tidak lama lagi.

Berhubung dengan tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada pihak Polis bersabit dengan soal-soal yang melibatkan pilihanraya dan sebagainya yang lalu, di sini suka saya menyatakan dalam pilihanraya kalau kita hendak membuat aduan, kalau kita hendak mengambil tindakan, saya fikir beribu-ribu kes yang seperti itu boleh dibuat. Dalam pilihanraya adalah sukar sekali kita hendak mengawal perasaan seseorang dari berucap dan terutama sekali dalam soal tampal-menampal poster. Perkara ini saya anggap perkara kecil seperti tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang dibawa oleh Ahli dari Petaling tempoh hari, dan saya tidaklah hendak mengulangi jawapannya.

Berhubung dengan kedudukan keselamatan negara kita ini, pertama sekali di sempadan-sempadan seperti yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang, keadaan ini walaupun kita lihat ada berlaku, tetapi Pasukan Keselamatan kita sentiasa menjaga hal ini. Dan seperti mana juga daerah sempadan yang berlaku di mana dunia pun keadaan seperti ini adalah sukar diatasi, kerana maklum sahaja sempadan yang menentukan garis di antara sebuah negara dengan sebuah negara itu bukanlah pendek dan ada tempatnya melalui gunung-ganang, bukit-bukau, hutan rimba dan sebagainya. Tetapi, walau bagaimanapun pihak Pasukan Keselamatan kita yang terdiri daripada Polis, Imigresen, Kastam dan juga badan kita Angkatan Relas sebagai badan sukarela sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dibesarkan lagi kedudukan dan kekuatannya. Kita tidak dapatlah memberi senapang seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu tiap-tiap seorang satu senapang kerana senapang ini walaupun harganya tidak begitu mahal, tetapi sukar didapati, dan kita terpaksa memberikan senapang-senapang ini ke seluruh negara bukan sahaja di sempadan-sempadan atau di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan hutan rimba ataupun lebuhraya seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat baru sebentar tadi. Tetapi, kita akan mencuba mendapatkan lebih banyak lagi senapang-senapang untuk dibekalkan kepada anggota Relas, dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang

telah memuji kekuatan dan ketabahan serta kesetiaan anggota Relas kita dalam menjalankan tugasnya walaupun dengan secara suka-rela.

Berhubung dengan pandangan dari Yang Berhormat di atas soal yang berkait dengan tugas pegawai-pegawai kita seperti Pegawai Imigresen dan sebagainya, dan juga mengenai Pejabat Pendaftaran Negara dalam penukaran Kad-kad Pengenal dan juga Surat-surat Beranak-Mati seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, di sini saya sedia mengambil ingatan dan perhatian di atas soal-soal yang ditimbulkan itu. Dan di sini sukalah saya menyebutkan memang diakui sebanyak-sedikit ada kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam mana-mana juga Jabatan seperti kata pepatah Melayu: tidak ada gading yang tidak retak, tidak ada bumi yang tidak ditimpa hujan dan tidak ada laut yang tidak bergelombang. Tetapi dalam pada itupun, Kerajaan mencuba dengan sedaya-upaya memberikan khidmat dengan sebaik-baiknya dan seikhlas-ikhlasnya kepada rakyat kita di seluruh negara kita ini dalam semua bidang yang berkaitan dengan Jabatan di bawah Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan penangkapan yang dilakukan di bawah Undang-undang I.S.A., di sini suka saya menyatakan, pihak Polis dan pihak Kerajaan, Kementerian ini akan membebaskan mereka yang ditangkap ini bila diselidiki dengan sehalus-halusnya dan didapati mereka yang ditangkap ini tidak lagi boleh mengganggu atau mengacau ketenteraman umum. Ini telah dibuktikan baru-baru ini, seorang pensyarah Universiti dan tiga orang mahasiswa dan seorang bekas mahasiswa yang telahpun dibebaskan berkaitan dengan demonstrasi yang berlaku pada 3hb Disember yang lalu. Ini satu bukti Kerajaan adalah tetap adil dan tetap bertimbang rasa. Tetapi hendaklah kita ingat ketenteraman umum, keselamatan negara lebih penting lagi daripada mereka atau beberapa orang yang cuba hendak mengacau ketenteraman negara ini kerana Kerajaan mempunyai tanggungjawab yang lebih besar, menjaga keamanan negara dan setiap rakyat yang patuh kepada undang-undang. Ini kalau dapat kita fahamkan adalah cukup bagi kita mengerti tanggungjawab pihak Polis dan tanggungjawab Kerajaan yang kita pilih.

Tuan Pengerusi, di sini suka saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Kepala Batas yang telahpun memberikan jawapan di atas tuduhan yang dibuat oleh pihak Pembangkang baru sebentar tadi. Di atas pandangan beliau supaya pihak akhbar tidak didaftarkan setiap setahun sekali, ini ada juga masalaahnya dan kalau pihak akhbar yang diterbitkan dalam negara kita ini benar-benar dapat menurut tatatertib dan garis-garis panduan yang diberikan dan tidak menerbitkan berita-berita yang boleh menimbulkan salah faham dan kekacauan antara kaum, soal-soal yang boleh menimbulkan perasaan atau soal-soal sensitif, saya percaya tidak ada kekuatiran bagi pihak tuanpunya akhbar hendak mendaftarkan akhbar-akhbar-nya setiap kali atau setiap tahun. Bagi pihak Kementerian dan pegawainya sedia dan tidak pula menjadi keberatan untuk mendaftarkan setiap tahun.

Tuan Pengerusi, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah berucap tadi, saya ucapkan terima kasih dan segala pandangan dan tegurannya itu kami mengambil ingatan dan akan cuba mengatasi dari masa ke semasa.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$18,803,560 untuk Kepala B. 33, \$293,697,800 untuk Kepala B. 34, \$9,565,800 untuk Kepala B. 35, \$571,720 untuk Kepala B. 36, \$8,533,700 untuk Kepala B. 37, \$22,189,050 untuk Kepala B. 38 dan \$5,084,000 untuk Kepala B. 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada jadual; dan wang sebanyak \$13,439 untuk Kepala P. 33, \$75,537,081 untuk Kepala P. 34, \$1,030,020 untuk Kepala P. 35, \$2,727,540 untuk Kepala P. 38 dan \$1,403,486 untuk Kepala P. 39 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1975.

Tuan Pengerusi: Saya suka mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian iaitu pada hari esok, Majlis ini akan membincangkan Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerian Penerangan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 17hb Disember, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.